

ADAT ISTIADAT KESULTANAN MELAYU KELANTAN DALAM
TEKS *SYAIR KESULTANAN MELAYU KELANTAN*:
SATU PENELITIAN DOKUMENTASI

NIRHOSHAN VHARMHAN NAIR
C19A0385

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

KELANTAN



ADAT ISTIADAT KESULTANAN MELAYU KELANTAN DALAM
TEKS *SYAIR KESULTANAN MELAYU KELANTAN*:
SATU PENELITIAN DOKUMENTASI

NIRHOSHAN VHARMHAN NAIR
C19A0385

Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat
memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan
dengan kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan

2023

PENGHARGAAN

Dengan penuh rendah diri, saya ingin mengucapkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Yang Maha Esa kerana dapatlah saya menyiapkan laporan penyelidikan ini dengan sempurna tanpa sebarang halangan. Tanpa izin dan berkat-Nya, laporan penyelidikan yang merupakan sebahagian daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan kepujian tidak mungkin dapat saya siapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kekangan, saya tidak berputus asa untuk meneruskan perjuangan ini dengan berdoa kepada Yang Maha Berkuasa serta merayu kepada-Nya memberikan kesabaran yang tinggi dan kekentalan diri untuk menyiapkan kajian ini.

Ribuan dan jutaan penghargaan diucapkan kepada Dr. Nordiana Binti Ab Jabar selaku penyelia Projek Penyelidikan buat tempoh masa setahun ini. Dengan penuh kejujuran, tanpa tunjuk ajar, bimbingan, kritikan serta nasihat beliau mustahil untuk saya menyiapkan tugas penyelidikan ini dengan sempurna. Beliau telah memberikan sokongan moral yang tidak terhingga dan memastikan saya meneruskan perjuangan ini dalam haluan yang sewajarnya. Kata-kata semangat yang diberikan oleh beliau tidak akan saya lupakan dan sentiasa mengimbas kembali apabila berhadapan dengan situasi seperti itu.

Selain itu, sekalung penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang turut bersama memberikan sokongan dan dorongan yang sangat tinggi walaupun masing-masing berhadapan dengan situasi yang sama untuk menyiapkan tugas penyelidikan mereka.

Akhirnya, sekalung penghargaan dan budi kepada pihak perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan yang banyak menyalurkan maklumat-maklumat penting berkenaan dengan tajuk penyelidikan. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang turut terlibat sepanjang penyelidikan ini dijalankan termasuklah pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan serta universiti-universiti lain yang menyediakan bahan bacaan secara langsung dan tidak langsung.

Sekian terima kasih, sehingga kita bertemu lagi.

Nirhoshan Vharmhan Nair
86, Jalan Pulau 3,
Taman Pulau Utama,
81110 Kangkar Pulau,
Johor Darul Ta'zim.
E-mel: vharmha99@gmail.com

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN TESIS
PENGHARGAAN
ISI KANDUNGAN
ABSTRAK
ABSTRACT

KANDUNGAN

HALAMAN

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1 - 3
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8 - 9
1.7 Batasan Kajian	10
1.8 Kesimpulan	11

BAB 2 TINJAUAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan	12
2.1.1 Kajian Literatur Mengenai Adat	12 - 15
2.1.2 Kajian Literatur Mengenai Syair	16 - 17
2.1.3 Kajian Literatur Teori Sastera Budaya	18 - 19

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	20 - 21
3.2 Rekabentuk Kajian	22
3.2.1 Kaedah Kepustakaan	22 - 23
3.2.2 Kaedah Analisis Teks	23
3.2.3 Kaedah Internet	24
3.3 Penerapan Teori	25 - 26
3.4 Kesimpulan	27

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1 Pengenalan	28 – 31
4.2 Menyampaikan Mesej daripada Syair Adat Istiadat	
4.2.1 Istiadat Melenggang Perut	32 – 40
4.2.2 Istiadat Bersalin	41 – 47
4.2.3 Istiadat Pijak Tanah	48 – 52
4.2.4 Istiadat Menanam Tembuni	53 – 56
4.3 Mengenal Pasti Kepentingan Pengamalan Adai Istiadat kepada Manusia	
4.3.1 Adat dan Budaya	57 – 59
4.3.2 Hukum dan Undang-Undang	60 – 61
4.3.3 Keagamaan	62 – 63
BAB 5 KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	64 – 65
5.2 Perbincangan	66 – 68
5.3 Cadangan	69
5.3.1 Pengkaji akan datang	69 – 70
5.3.2 Institusi-Institusi Pendidikan	70 – 71
5.3.3 Pihak Agensi Kerajaan	71 – 72
5.3.4 Peranan Media Massa dan Media Sosial	72 – 73
5.4 Kesimpulan	74
RUJUKAN	75 – 81
LAMPIRAN	82 - 84

**ADAT ISTIADAT KESULTANAN MELAYU KELANTAN DALAM
TEKS SYAIR KESULTANAN MELAYU KELANTAN:
SATU PENELITIAN DOKUMENTASI**

ABSTRAK

Kajian penyelidikan ini adalah bertujuan untuk membincangkan beberapa buah syair adat istiadat yang terkandung dalam sebuah penulisan yang bertajuk *Syair Kesultanan Melayu Kelantan* karya A. Aziz Deraman, Baharin Ilias dan Muhamad Ikram Fadhly Hussin. Secara lazimnya, syair merupakan sebuah puisi yang mempunyai irama lagu serta adat pula kebiasaan atau peraturan yang telah dan mesti dipatuhi oleh sesebuah sekelompok masyarakat. Antara permasalahan kajian ialah adat istiadat yang diamalkan pada zaman kesultanan kurang dipatuhi kerana beranggapan bahawa adat istiadat yang diguna pakai oleh rakyat biasa adalah sama dengan kerabat diraja serta tidak mengetahui kepentingannya dan perincian mengenai adat istiadat yang diguna pakai pada zaman kesultanan kurang didokumentasikan. Orang ramai hanya mengetahui adat istiadat secara umum sahaja malah tidak mempunyai ilmu secara mendalam. Kajian penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji maksud tersirat yang terkandung dalam beberapa buah syair adat istiadat seperti istiadat melenggang perut, istiadat bersalin, istiadat pijak tanah, istiadat menanam tembuni serta istiadat belah mulut. Bukan itu sahaja, kajian ini juga membincangkan kepentingan pengamalan adat istiadat yang diwarisi secara turun-temurun ini. Pengkaji mendapati bahawa terdapat pelbagai kegunaan yang dapat dipetik daripada adat-adat istiadat yang diguna pakai untuk kajian penyelidikan ini. Tambahan, kajian ini dijalankan sepenuhnya dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah analisis teks. Selain itu, kajian ini juga dijalankan berlandaskan sebuah teori yang terkenal iaitu Teori Sastera Budaya. Teori Sastera Budaya ini diaplikasikan dalam kajian penyelidikan ini kerana untuk melihat secara terperinci unsur-unsur budaya yang terkandung dalam setiap satu syair adat istiadat yang dipilih untuk dikaji. Dapatan kajian didapati bahawa sememangnya terdapat unsur-unsur budaya yang tersendiri dalam kesemua syair adat istiadat yang dipilih itu tadi. Akhirnya, pengkaji juga telah sertakan beberapa buah cadangan untuk generasi yang akan datang supaya mereka boleh mengangkat lagi kajian berkaitan dengan adat istiadat di alam kesultanan seperti ini kepada khalayak ramai supaya tidak ditelani zaman.

Kata kunci: Syair, adat istiadat, Kesultanan Melayu Kelantan, Teori Sastera Budaya.

**RITUAL OF THE MALAY SULTANATE OF KELANTAN IN
SYAIR KESULTANAN MELAYU KELANTAN TEXT:
A DOCUMENTATION RESEARCH**

ABSTRACT

This research study aims to discuss some traditional poems contained in a writing entitled Syair Kesultanan Melayu Kelantan by A. Aziz Deraman, Baharin Ilias and Muhamad Ikram Fadhly Hussin. In general, poetry is a poem that has the rhythm of a song as well as rituals or rules that have been and must be obeyed by a group of people. Among the problems of the study is that the rituals practiced during the sultanate period are less followed because they assume that the rituals used by ordinary people are the same as the royal family and do not know their importance and the details of the rituals used during the sultanate period are poorly documented. People only know rituals in general and do not have in-depth knowledge. This research study was carried out with the aim of examining the implied meaning contained in some ritual poems such as the belly stretching ceremony, childbirth ceremony, stepping on the ground ceremony, plasenta burying ceremony and the mouth stretching ceremony. Not only that, but this study also discusses the importance of practicing rituals that have been passed down from generation to generation. The researcher found that there are various uses that can be extracted from the rituals that are used for this research study. In addition, this study was conducted entirely by using a qualitative approach which is the text analysis method. In addition, this study is also conducted based on a well-known theory which is Cultural Literature Theory. This theory of Cultural Literature is applied in this research study to see in detail the cultural elements contained in each of the rituals poems that were chosen to be studied. The findings of the study found that there are indeed distinctive cultural elements in all the rituals poems that were selected earlier. Finally, the researcher has also included some suggestions for the next generation so that they can raise the study related to rituals in the realm of the sultanate like this to the public so that they are not overwhelmed by the times.

Key words: *poems, rituals, Malay Sultanate of Kelantan, Theory of Cultural Literature*

MALAYSIA

KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kesusasteraan merupakan cerminan budaya sesebuah masyarakat dan kemanusiaan. Dalam erti kata lain, sastera tidak dapat dipisahkan daripada manusia walau dalam apa jua keadaan. Menurut Hashim Awang (1987), sastera merupakan ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa dan sastera ini memiliki keindahan dalam aspek isi atau daya pengucapannya. Selain itu, sastera ini juga dikatakan merujuk kepada karya-karya lisan mahupun tulisan yang mencerminkan unsur-unsur cereka dan ia disampaikan melalui sebuah bahasa yang begitu indah.

Menurut Kamus Dewan dan Pustaka, istilah ‘adat’ bermaksud kebiasaan atau peraturan yang telah dan mesti dipatuhi oleh sesebuah masyarakat dan istilah ini berasal daripada Bahasa Arab. Adat ini bukan sekadar keresaman, malah ia menjadi satu panduan bagi sesebuah masyarakat untuk meneruskan kehidupan yang telah diamalkan serta diwarisi sejak turun-temurun. Secara lazimnya, bagi masyarakat Melayu tradisional, adat merupakan sesuatu yang telah diamalkan dan diwarisi sejak berzaman-zaman. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa adat dan amalan

kaum Melayu tradisional yang telah ditelan zaman kerana tidak diikuti dan diwarisi oleh masyarakat tersebut.

Menurut Othman (1993), kajian menunjukkan bahawa kebanyakan adat dan amalan kaum Melayu dipengaruhi oleh adat resam agama Hindu-Buddha. Hal ini dikatakan demikian kerana, majoriti masyarakat Melayu yang menetap di Tanah Melayu pada waktu dahulu berpegang ajaran agama Hindu. Selepas kedatangan Islam ke Tanah Melayu, perkara ini telah berubah kerana hampir seluruh masyarakat Melayu turut serta golongan istana telah memeluk agama Islam dan patuh pada ajaran agama tersebut.

Adat istiadat yang diamalkan pada zaman Kesultanan Melayu Kelantan sangatlah berbeza jika dibandingkan dengan adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu pada zaman ini. Ini adalah kerana, peredaran zaman yang begitu pantas, terlalu banyak perubahan yang ketara berlaku dan menyebabkan orang ramai tidak berpatuh pada adat serta amalan yang asal. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji adat-adat yang diamalkan oleh kerabat diraja pada zaman Kesultanan Melayu Kelantan serta perincian dalam adat-adat tersebut dengan menggunakan sebuah teks syair Kesultanan Melayu Kelantan dengan menggunakan kaedah dokumentasi. Pengkaji juga turut ingin mengkaji sejauh mana adat-adat ini diterima oleh masyarakat Melayu terutamanya di negeri Kelantan. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa segala adat-adat yang diguna pakai semasa zaman Kesultanan Melayu Kelantan tidak didokumentasikan dan diwartakan mungkin disebabkan oleh kekurangan ilmu pada ketika itu.

Penulisan A. Aziz Deraman, Baharin Ilias dan Muhamad Ikram Fadhly Hussin yang bertajuk Syair Adat Istiadat Kesultanan Melayu Kelantan ini merupakan sebuah buku yang mengandungi syair yang berteraskan adat istiadat yang diamalkan di alam Kesultanan Melayu Kelantan. Buku ini mengandungi 16 buah tajuk kecil yang menerangkan segala istiadat yang diguna pakai pada waktu tersebut. Perincian mengenai adat istiadat tersebut disampaikan dalam bentuk syair yang klasik di mana pengkaji perlu membuka glosari di bahagian belakang buku tersebut untuk memahami maksud bagi perkataan tersebut serta memahami makna tersirat yang terkandung dalam setiap syair itu.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian yang bertajuk mengenai adat istiadat di alam Kesultanan Melayu Kelantan berteraskan Teori Sastera Budaya ini dijalankan bagi mengenal pasti sejauh manakah adat istiadat kerabat diraja ini diwartakan pada masa kini. Adat istiadat merupakan sesuatu yang diwarisi secara turun-temurun. Bagi kajian ini, konteks yang diberi perhatian merupakan terhadap adat dan istiadat yang diguna pakai di alam kesultanan.

Pengkaji ingin menjalankan kajian ini berpandukan sebuah teks yang dikenali sebagai *Syair Adat Istiadat Kesultanan Melayu Kelantan* dengan menerapkan Teori Sastera Budaya. Teks yang dipilih ini akan memberikan gambaran yang jelas mengenai istiadat yang diguna pakai di alam kesultanan serta dapat diperincikan dengan lebih jelas dan teratur.

Pada masa kini, terdapat banyak kajian mengenai adat istiadat ini dijalankan tetapi pengkaji-pengkaji di luar sana hanya melakukan kajian di dalam konteks yang kecil di mana hanya bertumpu pada sesebuah etnik, kaum serta bangsa. Justeru, boleh dikatakan juga bahawa kajian mengenai adat istiadat di alam kesultanan Melayu kurang dijalankan disebabkan oleh sumber maklumat yang terhad serta tidak terperinci. Tambahan, didapati bahawa kajian dalam konteks ini mempunyai skop yang agak besar di mana boleh digali dan diketengahkan lagi kandungannya. Oleh hal yang demikian, pengkaji ingin melakukan kajian ini dengan meluaskan konteks kepada adat istiadat yang diamalkan oleh kerabat diraja dan memperincikan 6 buah istiadat utama yang terkandung di dalam teks tersebut.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Bidang kesusasteraan merupakan salah satu bidang yang tidak ramai dikenali kerana kurang pendedahan tentangnya. Begitu juga dengan konteks adat istiadat ini dimana pastinya akan mempunyai ketidakjelasan maksud sesebuah istilah yang terdapat dalam mana-mana adat dan istiadat. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian mengenai adat istiadat masih belum meluas dan mendalaminya. Seterusnya, tiada inisiatif daripada golongan dewasa dalam sesebuah keluarga untuk mengajar adat dan istiadat suku kaum tersebut kepada anak-anak mereka supaya mereka dapat mewarisinya.

Tambahan pula, kajian mengenai adat isitiadat yang diamalkan pada zaman kesultanan kurang dijalankan kerana beranggapan bahawa adat istiadat yang diguna pakai oleh rakyat biasa adalah sama dengan kerabat diraja. Bukan itu sahaja, perincian mengenai adat isitiadat yang diguna pakai pada zaman kesultanan kurang didokumentasikan. Orang ramai hanya mengetahui adat istiadat secara umum sahaja malah tidak mempunyai ilmu secara mendalam.

Selain itu, menurut Siti Hajar Md Daud dalam kajiannnya menyatakan bahawa kemunculan dan perkembangan teknologi dan media massa seperti Facebook dan Instagram sepatutnya membantu proses pendokumentasian adat-adat yang terdapat dalam sesebuah suku kaum tetapi ia kurang disebabkan oleh kurangnya pendedahan mengenai kepentingan adat istiadat dalam kalangan masyarakat kita.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah yang ingin disampaikan oleh penulis melalui syair adat istiadat Kesultanan Melayu Kelantan ini?
2. Apakah kepentingan daripada pengamalan adat istiadat kepada manusia?



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

1. Menyampaikan mesej daripada syair mengenai adat istiadat yang terkandung dalam penulisan A. Aziz Deraman, Baharin Ilias dan Muhamad Ikram Fadhly Hussin.
2. Mengenal pasti kepentingan daripada pengamalan adat istiadat kepada manusia.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji amat penting kepada khalayak untuk mengemukakan dapatan yang diperolehi. Pengkaji telah memecahkan kepentingan kajian kepada tiga iaitu individu, masyarakat dan institusi. Setiap kajian yang dilakukan pasti ada kepentingannya yang tersendiri. Bagi kajian yang dilakukan oleh pengkaji pula, kepentingannya adalah untuk melihat dan meneliti sejauh manakah orang ramai mengetahui mengenai adat istiadat yang diamalkan oleh kerabat diraja di alam kesultanan. Seterusnya, untuk meneliti sejauh manakah adat istiadat yang diamalkan semasa di alam kesultanan ini diwartakan.

Kepentingan kajian ini kepada seseorang individu ialah dapat mendalami serta menambahkan pengetahuan tentang adat istiadat yang diamalkan di alam Kesultanan Melayu Kelantan. Jelaslah bahawa bukan semua mengenali maksud adat dan istiadat serta mengetahui selok-belok setiap adat yang diamalkan di alam kesultanan. Kajian ini akan menjadi sebuah pandua bagi mereka yang kurang arif dalam bidang ini.

Seterusnya, kepentingan kepada masyarakat pula memberi pemahaman yang jelas dan memperlihatkan istiadat yang diguna pakai di alam kesultanan supaya masyarakat dapat mengaplikasikan secara perlahan-lahan. Masyarakat Melayu terutamanya warga Kelantan akan mendapat ilmu baharu dan mengenali adat istiadat yang mungkin mereka tidak pernah dengar atau mengetahuinya sebelum ini. Tambahan, mereka akan lebih berpengetahuan dalam perkara ini serta mampu menyebarkan ilmu yang diperolehi ini kepada yang lain.

Akhirnya, institusi. Kajian ini mampu membuatkan siswazah mengenali serta memperluaskan kajian tentang adat istiadat di alam kesultanan serta dapat dijadikan sebagai sebuah rujukan dan panduan kepada para pengkaji yang lain. Dengan adanya kajian-kajian seperti ini, ia akan memupuk minat pelajar-pelajar untuk melakukan kajian seperti ini untuk merumuskan dapatan kajian mereka.



1.7 BATASAN KAJIAN

Bagi kajian ini, pengkaji telah membataskan kajian ini kepada beberapa buah Batasan oleh hal skopnya yang terlalu luas. Pengkaji melakukan kajian ini secara terbatas bagi memastikan dapatan kajian yang diperolehi ini cukup, padat serta memuaskan. Pengkaji telah memfokuskan kajian kepada enam buah syair adat istiadat yang utama sahaja. Antara syair adat istiadat yang dipilih merupakan Istiadat Melenggang Perut, Istiadat Bersalin, Istiadat Pijak Tanah, Istiadat Menanam Tembuni, Istiadat Belah Mulut, Bercukur dan Berendoi serta Istiadat Berkenaan Bakal Raja. Kesemua enam buah syair adat dikaji dan akan diterangkan dengan terperinci dalam bahagian analisis kajian kemudian,

Seterusnya, pengkaji telah bercadang untuk menjalankan kajian ini dengan menerapkan sebuah teori sahaja yang dikenali sebagai Teori Sastera Budaya bagi menunjukkan perkembangan serta keunikan yang terkandung dalam setiap syair adat istiadat yang dipilih untuk dikaji. Pengkaji telah memilih teori ini kerana, hanya teori ini sahaja yang berkait rapat dengan kajian yang pengkaji rancang untuk melakukan kajian serta teori ini mempunyai hubungan yang rapat dengan bidang kesusasteraan.

MALAYSIA
KELANTAN

1.8 KESIMPULAN

Tuntasnya, kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini sangatlah wajar dilakukan bagi menjadi panduan dan contoh kepada para pengkaji yang akan datang. Pengkaji ingin membawa kepentingan adat istiadat kerabat diraja ini ke mata dunia bagi masyarakat memahami serta mengetahui kepentingannya tanpa mengabaikan begitu sahaja kerana ia merupakan khazanah yang sangat berharga dan bernilai. Setiap gambaran yang diberikan dalam penulisan ilmiah ini adalah berlandaskan dengan Teori Sastera Budaya di mana menjadi panduan utama bagi tugas penyelidikan ini.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Sorotan kajian amatlah menyokong objektif sesebuah kajian yang membuktikan teori yang digunakan. Sorotan kajian merupakan hasil galian serta carian kajian-kajian yang dijalankan oleh sarjana-sarjan yang lain. Kebiasaannya, hasil pencarian ini akan dilakukan dengan menggunakan bahan-bahan seperti jurnal, tesis, buku serta akhbar. Selain itu, hasil pencarian ini juga boleh dilakukan berpandukan dengan medium yang begitu pantas bagi mendapatkan maklumat iaitu internet.

2.1.1 Kajian Literatur Mengenai Adat

Menurut kajian lepas yang dilakukan oleh Datuk Zainal Abidin bin Borhan (2012) yang bertajuk *Adat dan Tatasusila Melayu dari Prespektif Karya Agung "Adat Raja-Raja-Melayu"* menyatakan bahawa adat istiadat

kerabat diraja kurang disimpan dan diwartakan untuk kegunaan generasi akan datang serta orang-orang pada zaman dahulu kurang cakna dalam perkara ini. Antara analisis yang dibincangkan oleh beliau merupakan kehebatan kerabat diraja semasa di alam kesultanan serta perkara-perkara yang diwarisi secara turun-temurun oleh kerabat diraja sungguh menakjubkan serta indah setiap perincian.

Selain itu, menurut kajian lepas yang dijalankan oleh Amri Marzal (2015) yang bertajuk *Kategori Adat dalam Budaya Melayu Nusantara* menyatakan bahawa sebahagian daripada adat istiadat kaum Minangkabau telah didokumentasikan sehingga ke hari ini tetapi hanya segelitir sahaja yang mewarisinya.

Tambahan pula, menurut sebuah buku yang berjudul *Sejarah Melayu Kesultanan Kelantan*, penyelenggaranya telah mengatakan bahawa Gendang Besar Diraja Kelantan merupakan satu simbol identiti dan kekuasaan baginda. Beliau turut mengatakan bahawa muzik serta pengaturan bunyi-bunyi merupakan salah sebuah kaedah atau cara untuk menyatupadukan sekelompok masyarakat serta ia merupakan sebuah identiti yang tersendiri buat kelompok tersebut. Selain itu, negeri Kelantan merupakan satu-satunya negeri di wilayah pantai timur yang memiliki kumpulan muzik yang sama kegunaanya dengan nobat yang dikenali sebagai nobat besar. Dalam kajian ini, pengkaji telah meletakkan objektif beliau untuk mengkaji fungsi, ciri-ciri serta keistimewaan gendang tersebut bagi Kerajaan Kelantan pada suatu ketika dahulu.

Dalam sebuah jurnal yang bertajuk *Warisan Negeri-Negeri Melayu*, penulisnya Abu Hanifah Haris telah mengatakan bahawa Sistem Jemaah Menteri di Kelantan diwujudkan dengan harapan dapat melancarkan proses pentadbiran serta pemerintahan negeri tersebut. Perkara ini diamalakan semasa pemerintahan Sultan Muhammad I iaitu dari tahun 1801 hingga tahun 1836. Beberapa orang pembesar serta orang-orang penting telah dilantik bagi melicinkan lagi proses ini supaya tiada apa-apa penipuan berlaku. Legasi ini disambung oleh pengganti baginda iaitu oleh Sultan Muhammad II (1836-1886) tetapi baginda telah menyusunkan lagi proses ini dengan menubuhkan lapan buah badan Jemaah Menteri di mana akan adanya yang mengetuai dalam kelompoknya itu, Penulis juga telah mengatakan bahawa perkara ini telah diwarisi secara turun-temurun oleh kerabat diraja negeri Kelantan sehingga ke hari ini tetapi dengan menggunakan sistem yang lebih canggih dan teratur. Dapat kita lihat di sini bahawa adat dan tradisi kerabat diraja ini diwarisi tanpa meninggalkan ia ditelani zaman.

Sebuah tesis sarjana yang bertajuk Kesultanan Melayu Tradisional: Satu Analisis ke atas Peranan Sultan dalam Kegiatan Ekonomi karya Dr. Haji Awg Asbol Bin Haji Mail memperincikan tentang kegiatan ekonomi di alam Kesultanan Melayu Kelantan suatu ketika dahulu. Beliau mengatakan bahawa kegiatan ekonomi di alam kesultana adalah bebas dengan syarat tiada penindasan berlaku di antara rakyat dan tiada sebarang aktiviti ekonomi haram dilakukan. Walau bagaimanapun, rakyat yang dibawah naunga diraja tetap menerima perlindungan daripada

berbagai aspek seperti ancaman musuh dan perlindungan ekonomi daripada baginda. Rakyat tidak pernah sesekali menunjuk perangai mereka terhadap yang mulia disebabkan oleh ketaan terhadap baginda. Adat menjaga kebajikan rakyat ini kian berterusan oleh kerabat diraja negeri Kelantan sehingga ke hari ini dan ia disebabkan oleh pengaruh politik dan ekonomi yang kuat.

2.1.2 Kajian Literatur Mengenai Syair

Pengkaji mendapati bahawa kajian lepas mengenai Syair Adat Istiadat Kesultanan Melayu Kelantan ini kurang dilakukan pada masa kini kerana teks yang digunakan oleh pengkaji merupakan pengeluaran terikini dan masih baru di pasaran. Maka, tiada lagi kajian lepas dijalankan oleh mana-mana pengkaji berteraskan teks syair tersebut. Pengkaji merupakan orang pertama yang tampil ke hadapan untuk menjalankan kajian mengenai Syair Adat Istiadat Kesultanan Melayu Kelantan dalam bentuk satu penelitian dokumentasi. Namun begitu, pengkaji telah membuat tinjauan terhadap beberapa buah kajian lepas yang dilakukan mengenai syair.

Dalam sebuah kajian yang bertajuk *Representasi Perempuan dalam Syair Adnan: Kajian Feminisme* karya Maiyang Resmanti dan Asep Yudha Wirajaya mengetengahkan kisah kehidupan wanita yang hidup dalam sebuah fenomena yang penuh dengan penindasan disebabkan oleh jantinya. Penindasan kian berlaku hanya disebabkan kaum wanita adalah wanita dan wanita dianggap kurang hebat berbanding kaum lelaki. Selain itu, penulis juga mengatakan bahawa Syair Adnan ini mirip dengan cerita Panji yang mengisahkan penyamaran kaum wanita dalam menempuh kehidupan. Cerita Panji yang mengisahkan perjuangan kaum wanita untuk menentukan arah kehidupannya mirip seperti syair Adnan yang berlandaskan Teori Feminisme.

Selain itu, sebuah lagi penulisan yang bertajuk *Pemaknaan Syair Li Khamsatun Di Tengah Pandemi COVID-19 Perspektif Living Islam* karya H.Zuhri telah mengatakan bahawa syair ini tekah merebak dalam kalangan masyarakat Jawa di Indonesia semasa dunia dilanda oleh wabak COVID-19. Bagi memastikan pembaca syair memahami makna tersirat yang terkandung dalam syair ini, penulis telah mengetengahkan pendekatan Hans-Georg Gadamer. Secara ringkasnya, penelitian makna mengenai syair ini merumuskan bahawa Islam memberikan respon dalam pelbagai peristiwa dan situasi yang menimpa umatnya tetapi tidak sesekali melepaskan tangan terhadap umatnya.

2.1.3 Kajian Literatur Mengenai Teori Sastera Budaya

Dalam sebuah kajian yang bertajuk, Arah Perjalanan Teori dan Kritikan Sastera Malaysia dalam Era Globalisasi karya Mana Sikana telah mengatakan bahawa Teori Sastera Budaya menyusuri individu dalam pembentukan identity diri di mana seseorang itu akan sentiasa mencuba dan mempraktikkan diri untuk berpegang pada sesebuah adat atau budaya yang kian lama diwarisi. Teori ini juga dikatakan meletakkan konsep kekuasaan di mana berperanan untuk mencari indentiti diri dalam dunia sastera pascamoden ini. Dalam masa yang sama, ini membantu membina ketamadunan hidup.

Seterusnya, menurut kajian lepas yang dilakukan oleh Muhammad Irfan Nyia Bin Abdullah (2013) yang bertajuk Budaya dalam Puisi-Puisi oleh Muhammad Haji Salleh: Kajian Teori Sastera Budaya mengatakan bahawa puisi-puisi Haji Salleh memaparkan konsep budaya secara menyeluruh dengan berteraskan kepada Teori Sastera Budaya.

Tambahan, sebuah kaji yang bertajuk *Asas Pembinaan Teori Sastera oleh Sarjana Sastera* di Malaysia karya Abdul Halim Ali mengatakan bahawa kemunculan teori-teori sastera tempatan yang baharu ini merupakan sebuah fenomena baharu di mana ia disebabkan oleh kelemahan yang terdapat pada teori sastera barat yang kian lama sudah diperkenalkan. Salah satu teori yang diperkenalkan merupakan

Teori Sastera Budaya di mana ia diberi penekanan terhadap konsep budaya yang terdapat dalam sesebuah teks sastera. Selain daripada itu, teori-teori tempatan ini berfungsi untuk menitik beratkan aspek agama dan elemen jati diri Melayu di mana teori sastera barat tidak mempunyai elemen yang dinyatakan ini.



BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian adalah bahagian yang mengupas mengenai pendekatan dan pengkaedahan yang digunakan oleh pengkaji untuk menghasilkan kejituan objektif kajian. Permasalahan kajian akan terjawab dengan lebih sistematik dengan penerapan metodologi kajian yang merupakan salah satu penentuan tatacara untuk menjawab perkara tersebut. Dengan itu, sesuatu penyelidikan yang dilaksanakan dapat dikenalpasti sama ada mempunyai ketepatan dan kepadatan atau sebaliknya dengan penerapan beberapa strategi yang telah disusun.

Menurut Ahmad Mazhab Ayob (1985), kaedah kajian merupakan cara yang digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi suatu objektif atau penyelidikan yang ingin dicapai. Oleh itu, pengkaji menggunakan beberapa cara untuk menghasilkan penyelidikan yang bermanfaat dengan adanya reka

bentuk kajian dan kaedah kajian. Perincian terhadap sesuatu kajian dapat dicipta dengan setiap penjelasan kaedah kajian yang diaplikasikan. Metodologi kajian dijalankan supaya kajian yang dilaksanakan mendapat kesempurnaan dan berjalan dengan lancar. Dalam bahagian ini pengkaji mengupas mengenai reka bentuk kajian, kaedah dan penyelidikan serta kaedah analisis kajian.

Reka bentuk kajian merupakan idea bagaimana sesebuah kajian itu akan diangkat serta dijalankan dan perkara ini dikatakan oleh Bogdan dan Biklen pada tahun 2003. Secara umumnya, perancangan awal bagi setiap suatu kajian terbahagi kepada dua pendekatan reka bentuk kajian iaitu pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif. Sesuatu konsep pembinaan hubungan antara pembolehubah yang wujud dalam suatu kajian dapat dikumpulkan dengan sistematik dimana pengkaji perlu merangka tatacara pengolahan data dengan penerapan reka bentuk kajian dalam kajian yang dikaji. Bagi kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan reka bentuk kualitatif bagi mendapatkan data dan maklumat yang memuaskan dengan harapan dapat menjayakan kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah cara atau proses bagi mengumpul maklumat serta data yang penting bagi sesebuah kajian. Kaedah pengumpulan data yang tepat akan membuahkan hasil iaitu maklumat yang relevan bagi tajuk kajian. Bagi kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif untuk mengumpul maklumat yang memuaskan bagi kajian ini. Rekabentuk kajian ini lazimnya juga dikatakan bahawasanya ia merupakan rangka bagi sesebuah kajian atau *backbone* bagi sesebuah kajian yang ingin dilaksanakan.

3.2.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan ialah salah sebuah cara untuk mendapatkan informasi serta maklumat-maklumat dengan tepat dan teliti dalam kajian ini. Hal ini demikian, maklumat yang diperolehi daripada perpustakaan adalah berkaitan dan sangat relevan dengan kajian ini. Misalnya, info atau maklumat akan diperolehi melalui beberapa jenis bahan yang terdiri daripada hasil-hasil penyelidikan sarjana, jurnal-jurnal sastera dan tesis, serta buku-buku yang berilmiah. Perpustakaan yang menjadi pusat pencarian maklumat pengkaji adalah di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Bagi kajian ini, pengkaji telah

mendapatkan beberapa buah buku dan tesis yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji untuk mentafsir serta menalisis maklumat yang terkandung di dalamnya. Hasil dapatan melalui pembacaan ini diguna pakai dalam penulisan analisis kajian pengkaji.

3.2.2 Kaedah Analisis Teks

Pengkaji melaksanakan kaedah analisis teks dengan menggunakan teks syair yang dipilih sebagai rujukan utama kajian. Teks tersebut dikaji secara terperinci bagi memudahkan proses penulisan ilmiah ini. Setiap satu istilah yang terdapat di dalamnya telah diulas dengan terperinci. Disebabkan pengkaji memilih teks syair tersebut sebagai rujukan dan panduan utama maka di sini pengkaji ingin menegaskan bahawa kaedah analisis teks sangatlah sesuai digunakan bagi penulisan ilmiah ini. Pengkaji telah mendapat gambaran yang sepenuhnya berkaitan dengan kajian ini kerana pengkaji telah membuat pembacaan yang teliti dimana keseluruhan teks telah dibaca dan dianalisis dengan cara yang efektif. Pengkaji dapat mengeluarkan gambaran serta dapatan yang diperoleh daripada pembacaan keseluruhan yang dilakukan itu. Walau bagaimanapun, pengkaji telah memfokuskan kajian in terhadap tajuk kajian serta teori yang dipilih pada peringkat awal kajian.

3.2.3 Kaedah Internet

Internet merupakan medium yang sangat membantu pengkaji mencari bahan-bahan ilmiah yang mampu membantu kajian ini. Selain kaedah analisis teks, kaedah pencarian data melalui laman sesawang yang berkadematik serta berilmiah telah sangat membantu dalam menganalisis data bagi kajian ini. Bagi kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah laman sesawang telah diaplikasikan dengan merujuk kepada beberapa buah sumber yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji. Pengkaji telah merujuk kepada beberapa buah sumber ilmiah yang mengandungi artikel-artikel yang mempunyai perkaitan dengan tajuk kajian pengkaji. Antaranya merupakan Pusat Rujukan Persuratan Melayu, *Researchgate*, *Google Scholar*, *Academia.edu* dan *CourseHero*. Hasil dapatan melalui pencarian data dalam laman sesawang telah memudahkan tugas pengkaji di mana pengkaji berpeluang untuk mengumpul maklumat terkini yang berkaitan dengan skop kajian pengkaji.

3.3 PENRAPAN TEORI

Setiap kajian yang dilakukan perlu mempunyai mana-mana penelitian yang tertentu atau diterapkan dengan mana-mana teori yang sesuai dengan tajuk kajian. Dalam erti kata lain, juga boleh dikatakan bahawa penerapan teori merupakan rangka utama atau *support system* bagi sesebuah kajian kerana ia akan memastikan supaya pengkaji tidak keterlaluan dalam pencarian maklumat. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah menggunakan sebuah teori dan menerapkan teori tersebut dalam kajian ini. Pengkaji memilih Teori Sastera Budaya sebagai teori utama bagi kajian yang dilakukan ini kerana ia berkait rapat dengan tajuk kajian.


Teori Sastera Budaya merupakan sebuah penelitian yang terperinci terhadap unsur-unsur budaya yang terkandung dalam sesebuah teks sastera yang terdapat dalam pasaran. Teori Sastera Budaya ini merupakan sebuah kritikan budaya dalam mana-mana teks sastera. Pada awalnya, kritikan budaya terhadap teks sastera dimula oleh Matthew Arnold. Beliau telah melakukan penelitian yang jitu terhadap kajian ini serta mengetegahkan beberapa buah ideologi melaluinya.

Pada awalan tahun 1990-an, studi budaya ini Teori Sastera Budaya telah diperkenalkan dan dahulunya ia dikenali sebagai studi budaya. Sedikit demi sedikit, teori ini telah berkembang menjadi sebuah teori yang diguna pakai di peringkat global dan menjadi sebuah budaya global juga. Motif utama teori


ini diperkenalkan adalah untuk mendekatkan lagi pembaca sesebuah teks sastera dengan pemahaman yang luas tentang situasi budaya terkini.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

3.4 KESIMPULAN

Secara tuntasnya, metodologi kajian serta penerapan teori yang dikemukakan oleh pengkaji merupakan cara dan proses yang telah dilalui oleh pengkaji untuk menjayakan kajian ini. Selain itu, penulisan ini adalah berdasarkan teori yang dipilih sepenuhnya bagi menampakkan unsur-unsur budaya yang terkandung dalam teks syair yang ingin dikaji itu. Selain itu, pembacaan keseluruhan yang akan dilakukan oleh pengkaji akan memudahkan pengkaji untuk mentafsir data serta membuat analisis secara terperinci untuk mendapatkan hasil dapatan kajian yang memuaskan serta efisien. Akhirnya, teori yang dipilih oleh pengkaji akan menjadi tulang belakang bagi keseluruhan kajian pengkaji dan akan memastikan supaya pengkaji tidak keterlaluan serta sentiasa menulis dalam konteks yang telah ditetapkan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENGENALAN

Kesusasteraan merupakan cerminan budaya sesebuah masyarakat dan kemanusiaan. Dalam erti kata lain, sastera tidak dapat dipisahkan daripada manusia walau dalam apa jua keadaan. Menurut Hashim Awang (1987), sastera merupakan ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa dan sastera ini memiliki keindahan dalam aspek isi atau daya pengucapannya. Selain itu, sastera ini juga dikatakan merujuk kepada karya-karya lisan mahupun tulisan yang mencerminkan unsur-unsur cereka dan ia disampaikan melalui sebuah bahasa yang begitu indah.

Menurut Kamus Dewan dan Pustaka, istilah 'adat' ini berasal daripada Bahasa Arab yang membawa maksud kebiasaan atau peraturan yang telah dan mesti dipatuhi oleh sesebuah masyarakat. Adat ini bukan sekadar keresaman, malah ia menjadi satu panduan bagi sesebuah masyarakat untuk meneruskan kehidupan yang telah diamalkan serta diwarisi sejak turun-temurun. Secara lazimnya, bagi

masyarakat Melayu tradisional, adat merupakan sesuatu yang telah diamalkan dan diwarisi sejak berzaman-zaman. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa adat dan amalan kaum Melayu tradisional yang telah ditelan zaman kerana tidak diikuti dan diwarisi oleh masyarakat tersebut.

Menurut Othman (1993), kajian menunjukkan bahawa kebanyakan adat dan amalan kaum Melayu dipengaruhi oleh adat resam agama Hindu-Buddha. Hal ini dikatakan demikian kerana, majoriti masyarakat Melayu yang ada di Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu telah berpegang ajaran agama Hindu. Selepas kedatangan Islam ke Tanah Melayu, perkara ini telah berubah kerana hampir seluruh masyarakat Melayu turut serta golongan istana telah memeluk agama Islam dan patuh pada ajaran agama tersebut.

Adat istiadat yang diamalkan pada zaman Kesultanan Melayu Kelantan sangatlah berbeza jika dibandingkan dengan adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu pada masa kini. Hal ini dikatakan demikian kerana, disebabkan oleh peredaran zaman, terlalu banyak perubahan yang ketara berlaku dan menyebabkan orang ramai tidak berpatuh pada adat serta amalan yang asal. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji adat-adat yang diamalkan oleh kerabat diraja pada zaman Kesultanan Melayu Kelantan serta perincian dalam adat-adat tersebut dengan menggunakan sebuah teks syair Kesultanan Melayu Kelantan dengan menggunakan kaedah dokumentasi. Pengkaji juga turut ingin mengkaji sejauh mana adat-adat ini diterima oleh masyarakat Melayu terutamanya di negeri Kelantan. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa segala adat-adat yang diguna pakai semasa zaman Kesultanan Melayu Kelantan tidak

didokumentasikan dan diwartakan mungkin disebabkan oleh kekurangan ilmu pada ketika itu.

Penulisan A. Aziz Deraman, Baharin Ilias dan Muhamad Ikram Fadhly Hussin yang bertajuk *Syair Adat Istiadat Kesultanan Melayu Kelantan* ini merupakan sebuah buku yang mengandungi syair yang berteraskan adat istiadat yang diamalkan di alam Kesultanan Melayu Kelantan. Buku ini mengandungi 16 buah tajuk kecil yang menerangkan segala istiadat yang diguna pakai pada waktu tersebut. Perincian mengenai adat istiadat tersebut disampaikan dalam bentuk syair yang klasik di mana pengkaji perlu membuka glosari di bahagian belakang buku tersebut untuk memahami maksud bagi perkataan tersebut serta memahami makna tersirat yang terkandung dalam setiap syair itu.

Dalam bahagian ini, beberapa buah syair yang terpilih akan diterangkan secara lebih terperinci mengenai mesej yang ingin disampaikan serta akan juga dinyatakan kepentingan yang dapat digarap melalui pengamalan adat istiadat yang diwarisi secara turun-temurun ini. Setiap satu adat istiadat yang diamalkan oleh nenek moyang kita mempunyai kepentingannya yang tersendiri serta terdapat nilai intrinsiknya yang tertentu. Daripada persiapan tempat, alatan yang diperlukan sehinggalah menyelesaikan adatnya yang sempurna dinyatakan serta diperincikan dengan begitu jelas sekali.

Kajian ini telah dijalankan sepenuhnya melalui kaedah penyelidikan dengan menggunakan sebuah buku ilmiah yang bertajuk *Syair Adat Istiadat Kesultanan Melayu Kelantan* karya A. Aziz Deraman, Baharin Ilias dan Muhamad

Ikram Fadhly Hussin. Pengkaji ingin menjalankan kajian ini berpandukan sebuah teks yang dikenali sebagai *Syair Adat Istiadat Kesultanan Melayu Kelantan* dengan menerapkan Teori Sastera Budaya. Teks yang dipilih ini akan memberikan gambaran yang jelas mengenai istiadat yang diguna pakai di alam kesultanan serta dapat diperincikan dengan lebih jelas dan teratur.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2 MENYAMPAIKAN MESEJ DARIPADA SYAIR MENGENAI ADAT ISTIADAT YANG TERKANDUNG DALAM PENULISAN A. AZIZ DERAMAN, BAHARIN ILIAS DAN MUHAMAD IKRAM FADHLY HUSSIN

4.2.1 Istiadat Melenggang Perut

Dalam bahagian ini, setiap satu syair adat istiadat yang telah dipilih merupakan mengenai istiadat melenggang perut dan ia akan diterangkan bersertakan dengan maksud tersirat yang terkandung di dalamnya.

Menurut Othman (1993), sejarah dan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan adat isitiadat dan amalan kaum Melayu dipengaruhi oleh adat resam agama Hindu-Buddha. Hal ini dikatakan demikian kerana majoriti masyarakat Melayu yang ada di Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu telah berpegang ajaran agama Hindu. Selepas kedatangan Islam ke Tanah Melayu, perkara ini telah berubah kerana hampir seluruh masyarakat Melayu turut serta golongan istana telah memeluk agama Islam dan patuh pada ajaran agama tersebut. Dalam banyak-banyak adat yang diwarisi oleh kaum ini, adat ‘melenggang perut’ merupakan suatu adat isitiadat yang masih diwarisi oleh golongan istana dan masyarakat Melayu sehingga ke hari ini. Adat melenggang perut ini juga lebih dikenali sebagai ‘mandi tian’ dan ‘kirim perut’.

Adat istiadat melenggang perut ini merupakan suatu adat yang perlu dilakukan pada wanita hamil yang telah mencapai tujuh bulan pada kelahiran anak sulungnya. Tujuan adat ini dijalankan adalah untuk mengelakkan apa-apa perkara yang tidak diingini berlaku apabila ibu itu bersalin. Selain itu, terdapat juga kepercayaan bahawa jantina kandungan ibu hamil itu dapat ditentukan serta berpeluang untuk memperbetulkan kedudukan bayi dalam kandungan jika adat istiadat melenggang perut ini dijalankan. Secara lazimnya, adat ini akan diketuai oleh seorang bidan dan bidan tersebut akan menyediakan segala bahan dan peralatan yang diperlukan. Antara bahan dan peralatan yang diperlukan adalah tujuh helai kain yang berlainan warna, segantang beras, tiga biji limau purut, wang pengeras, minyak kelapa, seekor ayam dara, lilin, beberapa urat benang berwarna merah, tepak sirih dan buyung, tepung tawar serta beras kunyit. Terdapat juga kepercayaan bahawa adat istiadat melenggang perut ini perlu dilakukan sebelum matahari tegak iaitu sebelum masuk waktu tengahari.

Ritual atau adat istiadat melenggang perut ini juga turut dilakukan pada zaman Kesultanan Melayu Kelantan secara tradisional dan pastinya berdasarkan cara yang benar tanpa sebarang perubahan mengikut keselesaan mana-mana pihak. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut ajaran agama Islam, hukumnya haram jika sesebuah adat istiadat dijalankan bertentangan dengan ajarannya. Berikut merupakan syair yang terkanung dalam penulisan tersebut dan akan di terangkan dengan lebih mendalam pada halaman-halaman seterusnya.

*Setelah mengandung tujuh purnama,
Bunting sulung kandungan pertama,
Melenggang perut perlu dilaksanakan,
Adat temurun harus disempurna.*

(Adat Melenggang Perut, 2020:86)

Syair di atas merupakan rangkap syair yang ke-618 pada halaman 86 di bawah tajuk kecil **Puteri Bunting Sulung**. Rangkap ini membawa maksud Puteri Bunting Sulung telah hamil dan kandungan sulungnya cukup tujuh bulan maka adat melenggang perut perlu dilaksanakan mengikiut amalan yang diwarisi secara turun temurun. Terdapat kepercayaan bahawa adat melenggang perut ini dapat mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku apabila ibu hamil itu bersalin. Selain itu, kedudukan bayi dalam kandungan juga dapat diperbetulkan melalui adat ini untuk melancarkan proses bersalin. Pernyataan ini juga diterangkan dalam dua rangkap syair di bawah;

*Jika melenggang tidak dibuat,
Dikatakan bala banyak mendapat,
Payah bersalin uri pun lekat,
Putera dan puteri tiadalah sihat.*

*Melenggang perut istiadat warisan,
Upacara beradat mohon perlindungan,
Pelihara puteri serta kandungan,
Sempurna sifat selamat kandungan.*

(Adat Melenggang Perut, 2020:86)

Dua rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-620 dan 621 pada halaman 86 di bawah tajuk kecil **Kepercayaan**. Rangkap syair yang ke-621 juga membawa maksud bahawa adat melenggang perut ini berupaya melindungi dan memelihara ibu hamil serta kandungannya. Selain itu, mempunyai kepercayaan juga bahawa anak dalam kandungan tersebut dapat dilahirkan dengan sifat tubuh badan yang sempurna tanpa sebarang kecacatan.

*Langit-langit kuning menghias puri,
Di bawahnya hamparan cantik berseri,
Di atasnya dihampar sebidang tikar bali,
Beras segantang dilirai ditutupi.*

*Beras dilirai dengan sempurna,
Di atas tikar bali namanya,
Jumlahnya hanya segantang cuma,
Ditutupi cadar dengan cermatnya.*

(Adat Melenggang Perut, 2020:86,87)

Dua rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-624 dan 625 pada halaman 86 dan 87 di bawah tajuk kecil **Persiapan tempat**. Dua rangkap di atas membawa maksud persiapan tempat untuk melenggang perut akan dimulakan dengan hamparan sebidang tikar bali kemudian segantang beras akan ditaburkan sekali lalu di atasnya. Hanya segantang beras sahaja akan dilirai kemudian akan ditutupkan dengan sehelai cadar atau kain hamparan yang bersih dan elok rupanya. Tambahan pula, tok bidan yang mengendalikan majlis perlu memastikan bahawa segala peralatan dan bahan adalah mencukupi supaya tiada gangguan semasa upacara berlangsung.

*Setelah semangat diletakkan pawai,
Duduklah semua di tempat sesuai,
Tidak buat memandai-mandai,
Sehingga majlis melenggang usai.*

*Puteri berbaring diminta bidan,
Setia kekal di atas hamparan,
Lelangit kuning di atas dibentangkan,
Agar mudah segala pekerjaan.*

(Adat Melenggang Perut, 2020:94)

Dua rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-675 dan 676 pada halaman 94 di bawah tajuk kecil **Peraturan Melenggang Perut**. Dua rangkap di atas membawa maksud di mana tok bidan akan mematuhi segala peraturan dan syarat yang ditetapkan dalam amalan ini dari permulaan sehinggalah penghujung upacara ini serta beliau tidak akan memandai-mandai menukarkan mengikut keselesaiannya. Upacara ini dimulakan dengan bentangan kain berwarna kuning sebagai pelindung bagi ibu hamil tersebut. Kemudian, tujuh helai kain yang berlainan warna akan dibentangkan serta ibu hamil tersebut akan dibaringkan di atas kain-kain tersebut.

*Buah kelapa berkupas empat,
Dua diambil dengan cermat,
Di hujung kaki puteri itulah tempat,
Didempek pula rapat-rapat.*

(Adat Melenggang Perut, 2020:94)

Syair di atas merupakan rangkap syair yang ke-679 pada halaman 94 di bawah tajuk kecil **Peraturan Melenggang Perut**. Rangkap di atas membawa maksud sebiji buah kelapa akan dikupas kulitnya dan akan diletakkan di hujung tapak kaki ibu hamil dan didempek dengan rapat.

*Bidan menjamah perut puteri,
Sambil membaca mantera dan jampi,
Hanya bidan yang memahami,
Itu pekerjaan dia unggul.*

*Dua kelapa berbaki lagi,
Digolek di atas perut puteri,
Setelah selesai tugas diberi,
Kelapa diletak di hujung kaki.*

(Adat Melenggang Perut, 2020:95,96)

Dua rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-683 dan 689 pada halaman 95 dan 96 di bawah tajuk kecil sama iaitu **Peraturan melenggang perut**. Rangkap di atas bermaksud tok bidan akan menaburkan kemenyan mengelilingi ibu hamil dan mengulangi proses yang sama sebanyak tujuh kali sambil membaca mantera dan ayat-ayat jampi yang khas untuk upacara melenggang perut ini. Kemudian, sebiji buah kelapa lagi akan dikupas kulit dan digulingkan di atas perut ibu hamil sebanyak tujuh kali. Pada kali ketujuh, tok bidan akan melepaskan buah

kelapa tersebut dan membiarkan ia jatuh ke bawah. Tok bidan akan merumuskan jantina bayi dalam kandungan ibu tersebut dengan melihat pada kedudukan mata buah kelapa tersebut.

*Kemudian bidan menjemput pula,
Dua orang kerabat tertua,
Kerja melenggang diperbuat pula,
Mengambil berkat itu maksudnya.*

*Punca kain dipegang kerabat,
Kiri dan kanan itulah tempat,
Tarik dan hulur bergilir adat,
Lima atau tujuh kerja dibuat.*

(Adat Melenggang Perut, 2020:96)

Dua rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-690 dan 692 pada halaman 96 di bawah tajuk kecil sama iaitu **Peraturan melenggang perut**. Tok Bidan akan menjemput dua orang kerabat tertua dan diarahkan untuk menduduki pada kedua-kedua belah ibu hamil dibaringkan setentang pinggangnya. Golongan kerabat akan memegang kedua-dua hujung kain yang terletak pada lapisan teratas dan dilenggangkan secara perlahan-lahan sambil Tok Bidan membacakan doa. Bacaan mantera juga akan dituruti dengan bacaan doa tersebut kerana kerabat diraja pada masa lalu juga mempunyai kepercayaan terhadap bomoh serta jampi. Perkara ini jelas dapat dilihat daripada kebanyakan adat istiadat yang diguna pakai di alam kesultanan itu.

*Kemudian dijemput yang lain pula,
Untuk berbuat perkara yang sama,
Sehingga enam kain semuanya,
Selesai tugas kerabat semua.*

(Adat Melenggang Perut, 2020:96)

Rangkap dia atas bermaksud proses menarik keluar kain-kain yang berwarna itu diteruskan sehingga habis kesemua kain tersebut. Maka, selesai tugas yang diamanahkan kepada golongan kerabat tersebut. Selesai tugas golongan kerabat diraja maka selesailah upacara melenggang perut. Pada fasa pengakhiran, ibu hamil tersebut akan diminta mandi atau bersiram bersintuk dengan limau purut.

*Baginda bagaikan pengantin baru,
Langit-langit kuning di atas alu,
Dipegang dua perempuan di empat bucu,
Disiramkan air ke atasnya tentu.*

(Adat Melenggang Perut, 2020:97)

Syair di atas merupakan rangkap syair yang ke-703 pada halaman 97 di bawah tajuk kecil **Peraturan Bersiram**. Rangkap di atas membawa maksud empat orang dayang akan memegang kain berwarna kuning dan menyiram ibu hamil tersebut. Air dijirus ke tubuh ibu hamil menerusi langit-langit yang dipegang oleh dayang-dayang tersebut pada setiap bucu. Jirusan air dimulakan dengan air tawar yang dijampi oleh Tok Bidan, air nyiur, air daun pudding, diikuti dengan air bunga rampai, kemudian air pancalogam inang dan akhirnya dibersihkan dengan jirusan air yang bersih.

Secara lazimnya, maklumat mengenai upacara melenggang perut ini tidaklah didokumentasikan serta disimpan dengan baik oleh penduduk di negeri Kelantan mahupun di negeri-negeri lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, hasil pencarian pengkaji mengenai dokumen-dokumen yang berkaitan dengan adat ini tidak diketemukan. Hanya sebilangan yang kecil sahaja masih mewarisi adat ini serta melakukannya dengan cara yang betul dan benar. Masyarakat zaman dahulu yang kurang berpengetahuan mengenai kepentingan mewartakan sesebuah adat istiadat menyebabkan kecuaiannya mereka untuk tidak menyimpan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan upacara melenggang perut ini. Seterusnya, cetakan mengenai adat isitadat ini sangat terhad di pasaran menyebabkan masyarakat zaman sekarang kurang berpengetahuan mengenai upacara melenggang perut ini.

4.2.2 Istiadat Bersalin

Dalam bahagian ini, setiap satu syair adat istiadat yang telah dipilih merupakan mengenai istiadat bersalin dan ia akan diterangkan bersertakan dengan maksud tersirat yang terkandung di dalamnya.

Adat menyambut kelahiran bayi ini boleh dikategorikan kepada dua kategori yang berbeza iaitu adat sebelum dan adat selepas kelahiran. Di mana pengamalan adat-adat sebelum ini tertumpu kepada adat penjagaan ibu dan bayi serta bagi mudah bersalin nanti manakala adat selepas bersalin pula lebih berfokuskan kepada pemulihan kesihatan ibu tersebut (tempoh berpantang) serta adat penjagaan kebersihan dan ketulenan diri. Perincian adat-adat yang dikatakan sebelum ini termasuklah pantang larang selama tempoh mengandung, adat pemakanan, menjaga tingkah laku semasa mengandung, serta adat semasa tempoh berpantang nanti.

Menurut Che Yam (2003), beliau mengatakan bahawa adat-adat ini lazimnya diwarisi oleh nenek moyang dan terdapat perubahan dilakukan mengikut kesesuaian di sesebuah kawasan atau berdasarkan taraf sosialnya. Sebagai contoh, ibu hamil biasanya tidak dibenarkan untuk duduk di mana-mana muka pintu rumahnya. Terdapat kepercayaan bahawa akan mengalami kerumitan semasa bersalin jika ia tidak dipatuhi. Walaubagaimanapun, bukan semua orang mempunyai kemampuan untuk

menyediakan ruangan yang selesa buat ibu hamil kerana ia sangatlah bergantung kepada taraf sosial seseorang itu dan kemampuannya. Oleh itu, terdapat ubah suaian yang dilakukan tetapi tidaklah begitu ketara sehingga menukarkannya. Perubahan ini dilakukan mengikut kesesuaian di sesebuah kawasan atau berdasarkan taraf sosialnya.

Menurut Abdul Wahab (2013), masyarakat Melayu kaya dengan kepercayaan dan amalan turun temurun yang menjadi sebahagian daripada peraturan sosial dan dikongsi bersama dalam kehidupan bermasyarakat. Kepercayaan dan amalan ini adalah sebahagian dari pelbagai warisan budaya yang diamalkan dan ia dibawa melalui pantang larang yang perlu dipatuhi oleh masyarakat melayu. Pantang larang ini terhasil daripada pengalaman hidup yang lampau dan diturunkan secara lisan dari satu generasi ke satu generasi. Masyarakat Melayu tradisional, percaya bahawa sekiranya pantang larang itu dilanggar, ia akan menyebabkan berlakunya sesuatu yang buruk kepada pelakunya. Kepercayaan ini terus diterapkan dari satu generasi ke satu generasi. Orang-orang tua dahulu selalu mengingatkan anak cucunya supaya tidak melanggar pantang larang. Walaubagaimanapun, seiring dengan peredaran zaman, ada di antara pantang larang ini sudah dilupakan dan sesetengahnya sudah tidak lagi diamalkan. Ini mungkin disebabkan sesetengah akibat daripada melanggar pantang larang itu dirasakan tidak berpijak di bumi nyata dan lebih bersifat tahyul dan khurafat. Berikut merupakan syair yang terkandung dalam penulisan tersebut dan akan di terangkan dengan lebih mendalam pada halaman-halaman seterusnya.

*Bidan D'raja ditempah dahulu,
Di istana puteri sebulan menunggu,
Hampir bersalin enam bidan bersatu,
Mencukupi tujuh bidan bertamu.*

*Meriah suasana bersalin D'Raja,
Tujuh mak bidan melaksanakan kerja,
Puteri terbaring senyum berjela,
Sakit bersalin sakit ayah bonda.*

(Istiadat Bersalin, 2020: 104)

Dua rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-730 dan 731 pada halaman 104 di bawah tajuk kecil sama iaitu **Bidan D'raja**. Ibu hamil tersebut akan mempunyai tujuh orang bidan untuk menjaga serta mengawasinya serta mereka akan sentiasa setia menjaga ibu hamil tersebut dengan sepenuh hati dan keihklasan. Ini akan berterusan sehinggalah ibu hamil tersebut bersedia untuk menjalani proses bersalin atau lebih dikenali sebagai beranak. Lazminya, adat bersalin D'raja ini agak menarik dan berbeza kerana mereka tertakluk kepada beberapa buah syarat yang perlu dipatuhi serta persiapan yang dilakukan sungguh menarik sementara menunggu cahaya mata yang bakal menjadi pewaris takhta bagi sesebuah kerabat diraja.

MALAYSIA

KELANTAN

*Bidan D'Raja bersedia menyambutnya,
Waktu dan masa berlalu selamatnya,
Minyak selusuh diberi minumannya,
Jampi serapah memudah semuanya.*

*Pawai-pawai tertib beratur diri,
Obor-obor kuning payung kuning menaungi,
Bidan D'Raja sambut menyantuni,
Berkain kuning beralas pasti.*

*Apabila anak mengeluarkan suara,
Meriam ditembak sebagai tanda,
Tujuh das andaian putera,
Jumlah kebesaran putera raja.*

*Jika puteri bilangannya lima,
Dibunyikan Meriam sebagai petanda,
Adat D'Raja itulah nama,
Kelahiran putera jadi sempurna.*

(Istiadat Bersalin, 2020: 104,105)

Empat rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-736,737,738 dan 739 pada halaman 104 dan 105 di bawah tajuk kecil sama iaitu **Menyambut kanak-kanak**. Secara ringkasnya, para bidan akan menunggu ketibaan cahaya mata tersebut sambil melemparkan sebidang kain yang berwarna kuning pastinya kerana kuning merupakan lambang kebesaran kerabat diraja. Sebaik sahaja bayi tersebut lahir di bumi yang nyata ini, sedas tembakan meriam akan dilakukan sebagai petanda kepada para rakyat bahawa kerabat raja tersebut sudah mempunyai pewaris yang baharu.

*Bidan D'raja semua bijaksana,
Bekerjasama usaha di mana-mana,
Menguruskan uri yang tak kena,
Jampi-menjampi dihembus bersama.*

*Jikalau uri masih tak keluar,
Maka dicarikan jalan ikhtiar,
Kaedah bidan menjampi sekitar,
Minyak selusuh menjadi penawar.*

*Seruas jari manis banyaknya minyak,
Hanya sedikit tidaklah banyak,
Disertakan jampi⁶ yang layak-layak,
Agar mudarat boleh ditolak.*

(Istiadat Bersalin, 2020:105)

Tiga rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-740,741 dan 742 pada halaman 105 di bawah tajuk kecil sama iaitu **Lekat Uri atau sok**. Uri atau lebih dikenali dengan nama saintifiknya iaitu *plasenta* ini merupakan darah ibu hamil tersebut yang telah beku sepenuhnya. Uri ini lah berperanan sebagai medium pegantaraan antara ibu dan anaknya bagi proses pemindahan makanan, zat serta bahan buangan daripada bayi tersebut setelah mendapat hasil zat yang memerlukan. Syair di atas ingin menyampaikan bahawa para bidan tersebut sangatlah bijak dalam mengendalikan uri ini setelah selesai proses bersalin tersebut. Uri tersebut perlulah disingkirkan daripada tubuh badan ibu tersebut kerana setelah bayi dilahirkan, uri tersebut akan nyahfungsi kerana tiada pengkhususan baginya lagi. Andai kata uri tersebut tidak dapat dikeluarkan secara *manual* maka para bidan tersebut akan menggunakan cara lain seperti menjampi supaya dapat mengelakkan perkara yang tidak diingini.

*Sebelum putera bersih disiramkan,
Lebih dahulu acara diadakan,
Benang kuning seinci setengah disediakan,
Melilit tali pusat kemas diikatkan.*

*Digotel-gotel dengan abu panas,
Hingga lembut tali pusat yang keras,
Maka mengerat pusat pun beralas,
Dengan sembilu jampi beraras.*

*Air beluru air suam setempayan,
Buat bersiram sucikan badan,
Dibendung bayi kain keemasan,
Bayi beradu lenanya nyaman.*

(Istiadat Bersalin, 2020:106)

Tiga rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-743,744 dan 745 pada halaman 106 di bawah tajuk kecil sama iaitu **Mengerat Pusat**. Sebaik sahaja, cahaya mata dilahirkan, tali pusatnya akan dibelit dengan sehelai benang berwarna kuning yang panjangnya seinci setengah untuk dililit pada tali pusatnya. Kemudian, tali pusat tersebut akan dilapkan dengan air yang suam bagi menjadikan ianya lembut supaya mudah untuk dikerat. Sebaik sahaja dikerat, ianya akan di potong dan diikat dengan kemas supaya tidak dijangkiti kuman. Selepas itu, cahaya mata tersebut akan dimandikan dengan air yang bersih dan kesan-kesan darah ibu padanya akan dibersihkan dengan cara yang berhemah. Sesi mengurut semasa bersiram akan membuatkan bayi tersebut berasa nyaman serta bayi akan tidur dengan nyenyak.

*Selesai sudah membicarakan putera,
Maka beralih bidan-bidan D'Raja,
Kepada puteri yang perlu dijaga,
Membetulkan urat saraf kerjanya pula.*

*Bidan D'Raja mengurut berhemah,
Kepada puteri yang masih lemah,
Minvak dijampi' dilumur dijamah,
Badan puteri segar menyerlah.*

(Istiadat Bersalin, 2020:106,107)

Dua rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-750 dan 751 pada halaman 106 di bawah tajuk kecil sama iaitu **Membetulkan Urat Saraf**. Proses bersalin ini akan menyebabkan saraf-saraf pada bahagian sulit ibu hamil tersebut rosak dan perlu dibaiki. Bidan D'Raja akan memastikan semua saraf-saraf yang rosak tersebut dipulih dengan menggunakan petuanya yang tersendiri seperti dengan mengurut. Proses ini perlulah dilakukan dengan cara yang penuh berhemah kerana badanya yang sangat lemah dan tidak bertenaga itu tidak mampu menahan sakit jika ianya dilakukan dengan cara yang kasar. Minyak angin yang khas juga turut akan digunakan apabila mengurut kerana terdapat kepercayaan bahawa mempunyai kuasa ajaib yang mampu memulihkan luka-luka yang besar serta kedalaman yang agak teruk juga. Tambahan, ubat-ubatan yang patut diberikan itu akan dibekalkan bersama agar ibu hamil dapat pulih dengan pantas dan kembali seperti biasa dalam jangka masa yang singkat. Ubat kebiasaannya adalah berdasarkan ubatan tradisional serta dengan menggunakan petua yang khas dimana tersedia oleh Bidan D'Raja itu sendiri.

4.2.3 Istiadat Pijak Tanah

Dalam bahagian ini, setiap satu syair adat istiadat yang telah dipilih merupakan mengenai istiadat pijak tanah dan ia akan diterangkan bersertakan dengan maksud tersirat yang terkandung di dalamnya.

Adat pijak tanah juga dikenali sebagai adat mencecah tanah atau jejak tanah. Adat ini merupakan satu bentuk ritual yang telah diamalkan semenjak zaman nenek moyang dahulu. Adat pijak tanah merupakan satu bentuk upacara yang diadakan untuk meraikan kanak-kanak yang berusia empat puluh hari atau empat puluh empat hari untuk buat pertama kalinya mencecah kaki ke tanah. Pada masa sekarang adat ini jarang diamalkan kerana kurangnya pengamal yang berilmu untuk melakukan upacara ini. Namun begitu, di sesetengah tempat, amalan ini masih dijalankan danambutannya agak meriah.

Menurut, Ismail Hamis pada tahun 1980, istilah pijak tanah bermakna kanak-kanak buat pertama kalinya akan dilepaskan dari pangkuan ibu bapanya untuk mencecah kaki ke tanah sebagai simbolik meneruskan kehidupan dan mengenal alam atau seumpamanya, menempuh kehidupan seharian dan akan datang. Beliau juga mengatakan bahawa, upacara menyambut perubahan dalam hidup individu Melayu dikatakan bermula sejak kanak-kanak hingga ke liang kubur. Setiap individu akan melalui upacara tertentu dari dalam perut ibunya lagi yang

dikenali sebagai adat melenggang perut. Apabila bayi itu lahir ke dunia maka akan diadakan pula upacara membelah mulut. Selepas itu, bayi akan menempuh satu upacara lagi yang diberi nama istiadat mencukur rambut diikuti adat memijak tanah. Apabila individu itu besar dia akan dikahwinkan. Akhir sekali apabila individu itu meninggal dunia akan diadakan upacara yang sepatunya buat jenazah tersebut. Berikut merupakan syair yang terkanung dalam penulisan tersebut dan akan di terangkan dengan lebih mendalam pada halaman-halaman seterusnya.

*Gembira tuanku amatlah nyata,
Setelah meminang cahaya mata,
Lengkaplah kuasa di atas takhta,
Seakan cukup segala harta.*

*Sebelum tujuh tahun usianya diri,
Bomoh D'raja dijemput kemari,
Istiadat pijak tanah sebagai tawari,
Moga hantu bumi tidak hampiri.*

(Istiadat Pijak Tanah, 2020:128)

Dua rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-865 dan 866 pada halaman 128 di bawah tajuk kecil sama iaitu **Menawari Tanah**.

Setelah mendapat cahaya mata, maka lengkaplah hierarki buat sebuah generasi kerabat diraja. Cahaya mata tersebut akan menjadi waris kepada takhta tersebut dan jika berjantina lelaki maka bayi tersebut akan menjadi pewaris yang sah buatnya. Sebelum kanak-kanak tersebut berusia lebih daripada 7 tahun, istiadat memijak tanah ini perlu dilakukan dengan pembacaan mantera yang tertentu dan diketahui oleh Bomoh D'raja.

*Semua undangan sudah berjemput,
Hidangan dan jamuan disebut-sebut,
Menghias istana amatlah patut,
Segala alatan diatur berturut.*

*Balai pancapersada dibangunkan juga,
Tiang-tiang bendera diatur sempurna,
Panggung permainan didirikan di sana,
Perkakas memijak semua sedia.*

(Istiadat Pijak Tanah, 2020:128,129)

Dua rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-871 dan 872 pada halaman 128 dan 129 di bawah tajuk kecil sama iaitu **Persediaan**. Ia membincangkan mengenai persiapan tempat bagi istiadat ini dijalankan di mana kesemua kaum kerabat akan dijemput dengan penuh keihklasan serta dandan yang telah dilakukan bagi istana amatlah menarik dan istimewa kerana istiadat ini amat penting buat pewaris takhta tersebut. Segala perkakas dan alatan disediakan mengikut kehendak dan di pastikan bahawa kesemuanya cukup tanpa sebarang gangguan.

*Pulut semangat tiga warna,
Tepung semangat disediakan sempurna,
Dua buah gogok Setambul memberi makna,
Istiadat memijak tanah dapatlah dilaksana.*

(Istiadat Pijak Tanah, 2020:,129)

Rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-875 pada halaman 129 di bawah tajuk kecil sama iaitu **Peralatan Semangat**. Bagi upacara ini, pulut yang terdiri daripada 3 warna yang berbeza akan disediakan bagi

dijadikan sajian kepada orang ramai. Ianya akan disediakan dalam sebuah pahar yang besar kerana tetamunya agak ramai dan ianya perlu ditampung bagi orang ramai yang menghadiri majlisnya itu.

*Pulut tiga warna jadi sajian,
Putih kuning dan merah pilihan,
Di dalam pahar besar ia tersimpan,
Bagai busut lebih sehasta ketinggian.*

*Sekeliling dicacak telur semangat,
Telur merah peradanya berkilat,
Di puncaknya dicacak bunga semangat,
Warna keemasan sehasta setengah dibuat.*

*Banyaknya bunga telur itu,
Lima puluh sudahlah tentu,
Boleh seratus jika perlu,
Mengikut apa sahaja termampu.*

(Istiadat Pijak Tanah, 2020:,129)

Tiga rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-875 pada halaman 129 di bawah tajuk kecil sama iaitu **Peralatan Semangat**. Rangkap ini membawa maksud bahawa pulut yang terdiri daripada 3 warna itu menjadi sajian kepada orang ramai. Warna-warna pulut tersebut adalah putih, kuning dan merah. Kuantiti yang dimasak adalah sangat besar bagi menampung kesemua tetamu yang hadir ke majlis tersebut. Pulut tersebut akan disusunkan di tengah-tengah dan disusuni dengan beberapa biji telur disekelilingnya. Warna keemasan telur tersebut akan menampakkan lebih tertarik antara pulut-pulut yang berwarna itu. Bilangan telur it adalah berdasarkan dengan kemampuan seseorang itu dan tiada sebarang unsur paksaan di dalam perkara ini.

Sempurna Jami baru dipersila,
Putera atau puteri turun ke tangga,
Istiadat memijak tanah baru bermula,
Tangga pohon sukar pijaklah dia.

Anak tangga sulung kaki memijak,
Di dalam talam emas pertama dinjak,
Talam kedua berisikan perak,
Dipegang bomoh D'Raja tiada bergerak.

Kekoleh manis kekoleh lemak,
Di dalam talam jua terletak,
Kedua kaki turut memijak,
Sebagai adat ditinggal tidak.

Putera puteri menginjakkan kaki,
Ke dalam talam berisi padi,
Tanah mihrab masjid jugalah pasti,
Tanah kubur Almarhum turut bersekali.

Talam berpasir tujuh kuala,
Diambil dari tujuh muara,
Talam terakhir tiadalah tercela,
Semoga berkat segala usaha.

(Istiadat Pijak Tanah, 2020:,143,144)

Lima rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-975, 976, 977, 978, dan 979 pada halaman 143 dan 144 di bawah tajuk kecil sama iaitu **Memijak Tanah**. Istiadat memijak tanah barulah bermula. Kanak-kanak tersebut akan dibiarkan untuk turun daripada pangkuan ibu bapa dan kanak-kanak tersebut akan memijak tangga pohon buat kali pertama. Tangga pertama adalah diperbuat daripada emas manakala tangga kedua pula diperbuat daripada perak. Kemudian, akan memijak talam yang berisi padi, tanah daripada masjid serta tanah daripada perkuburan arwah-arwah daripada kerabat diraja. Perkara ini dilakukan dengan kepercayaan bahawa selepas ini kanak-kanak tersebut akan lebih berdikari dan bijak menguruskan diri.

4.2.4 Istiadat Menanam Tembuni

Dalam bahagian ini, setiap satu syair adat istiadat yang telah dipilih merupakan mengenai istiadat menanam tembuni dan ia akan diterangkan bersertakan dengan maksud tersirat yang terkandung di dalamnya.

Kamus Dewan edisi keempat (2007) mendefinisikan uri sebagai organ yang menghubungkan ibu dengan janin dalam rahim yang berfungsi membekalkan makanan termasuk oksigen daripada ibu kepada janin serta menyingkirkan bahan kumuh yang tidak diperlukan oleh janin. Sebaik sahaja bayi dilahirkan, tembuni atau lebih dikenali sebagai uri/plasenta perlulah dikendalikan dengan cara yang berhemah dan bijak. Uri tersebut perlulah ditanam dan perlu memastikan bahawa tiada haiwan yang memakan uri tersebut kerana ia dianggap sebagai sebuah perkara yang kurang baik bagi bayi yang dilahirkan.

Terdapat juga kepercayaan bahawa, uri ini merupakan “abang atau kakak” kepada bayi yang baru lahir. Kepercayaan ini disandarkan kepada sifat uri atau tembuni tersebut yang sama-sama berada di dalam rahim ibu sepanjang proses kehamilan dan turut “lahir” bersama bayi tersebut. Tambahan, tali pusat juga mempunyai kaitan dalam perbincangan ini dimana turut diyakini sebagai “penjaga” kepada bayi yang baharu lahir sehinggalah ianya dewasa. Justeru itu, tembuni dan tali pusat ini haruslah diurus dengan baik dan berhemah.

Menurut Kadir Aisha (2017), sebelum tembuni tersebut digantung, perlu disediakan dahulu bayung yang diperbuat daripada upih pinang. Selepas itu baharulah tembuni tersebut dimasukkan ke dalam bayung atau bahai tersebut. Bersama-sama dengan tembuni ini turut disertakan paku, limau kapas dan kunyit sebagai “peneman” tembuni. Setelah tembuni dimasukkan ke dalam bahai, langkah seterusnya ialah mengantung bahai yang berisi tembuni dengan menggunakan kayu yang menjadi “joran” kepada bahai tersebut. Ini merupakan cara yang diamalkan oleh masyarakat Kadayan di Sabah. Walaubagaimanapun, terdapat adat yang tertentu bagi kerabat diraja negeri Kelantan dalam proses penanaman tembuni ini. Berikut merupakan syair yang terkanung dalam penulisan tersebut dan akan di terangkan dengan lebih mendalam pada halaman-halaman seterusnya.

*Satu nama gelaran tembuni,
Kelantan 'sok' nama dikenali,
Satu benda asal mengelubungi,
Urilah penyambung ia dan bayi.*

*Panjang hubungan kanak-kanak tembuni,
Di waktu berdiang empat puluh hari,
Disimpan baik-baik dan dihormati,
Bidan Melayu Kelantan menasihati.*

(Istiadat Menanam Tembuni, 2020:150)

Dua rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-1011 dan 1012 pada halaman 150 di bawah tajuk kecil sama iaitu **Tembuni**. Di sini, dapat kita fahami bahawa tembuni ini digelar sebagai ‘sok’ dalam dialek Kelantan. Seperti mana yang telah dikatakan, tembuni ini menjadi

penyambung kepada bayi dan ibu hamil tersebut di mana ia menjadi tali hubungan buat mereka. Tembuni ini akan dicuci sebersih yang mungkin, dijampi serta dikawal dengan ayat-ayat jampi supaya tiada makluk halus yang mengacaunya. Tembuni akan disimpan buat beberapa tahun dengan selamat sebelum melaksanakan upacaranya.

Sesudah bercerai pusat dan uri,
Tembuni dibersihkan berulang cuci,
Pesan bidan berhati-hati,
Itu amanah orang yang memberi.

Asam garam dibungkus sekali,
Lima tujuh kain kuning melapisi,
Atas dapur berdiang ditaruhi,
Agar kering aromanya mewangi.

Atas tempurung jantan tembuni diletak,
Jangan senget ke mana pihak,
Itu kepercayaan berdirinya tegak,
Jika tidak julinglah anak.

Jikalau tembuni lembap dan cemar,
Kulit gatal kerapu kudis tersebar,
Penyakit lain sama menular,
Selalu teresak tersentak bila sedar.

Berbelas tahun tembuni raja disimpan,
Dibuka dijampi di hari kemudian,
Bila datangnya suatu kecelakaan,
Terkena rawan diserang sawan.

(Istiadat Menanam Tembuni, 2020:150)

Lima rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-1013, 1014, 1015, 1016 dan 1017 pada halaman 150 di bawah tajuk kecil sama iaitu **Menyimpan Tembuni dan Kepercayaan**. Maksud tersirat yang terkandung dalam lima rangkap syair di atas merupakan tembuni tersebut akan dicuci sebersih yang mungkin selepas sahaja berpecah dari pusatnya.

Kemudian, ia akan dibungkus menggunakan 5 lapisan kain berwarna kuning dan akan dipastikan baunya sentiasa harum dan menyenangkan semua. Kemudian, akan diletakkan di atas tempurung dan akan dipastikan bahawa uri tersebut kering dan tidak lembap. Kelembapan ini akan menyebabkan penyakit tersebar. Tembuni diraja in akan disimpan selama sebelas tahun sehingga tiba masanya untuk ditanam. Tambahan pula, tembuni tersebut akan dibuka dan dijampi dari semasa ke semasa khususnya terdapat perkara yang tidak elok atau tidak diingini berlaku. Setelah beberapa tahun kemudian, tembuni ini sepatutnya akan ditanam dengan nasihat Bomoh D'Raja.

*Tembuni perlu ditanamnya tindak,
Perlimau bidan atau hari merombak,
Keempat puluh dari harinya beranak,
Ditanam mengikut istiadatnya hendak.*

(Istiadat Menanam Tembuni, 2020:151)

Rangkap syair di atas merupakan rangkap yang ke-1018 pada halaman 151 di bawah tajuk kecil **Menanam Tembuni**. Rangkap di atas bermaksud apabila masanya tiba, tembuni tersebut perlulah ditanam berdasarkan kepercayaan dan itulah adat yang diwarisi. Pada hari ke-40 setelah bayi lahir, tembuni atau uri tersebut akan ditanam mengikut adat istiadat yang diwarisi ini. Tanah akan digali buka seluas yang mungkin supaya tiada apa-apa dapat mencapai uri tersebut kerana terdapat kepercayaan bahawa uri perlulah ditanam secara baik-baik dan tidak boleh dimakan atau dicemari oleh sesiapaupun sahaja. Ia akan mendatangkan kemudaran baginya.

4.3 MENGENAL PASTI KEPENTINGAN PENGAMALAN ADAI ISTIADAT KEPADA MANUSIA

4.3.1 Adat dan Budaya

Pelbagai kepentingan dapat digarap menerusi amalan adat dalam masyarakat Melayu tradisional yang mana ia mencakupi dari aspek cara kehidupan seharian serta hidup bermasyarakat, adat istiadat raja atau sultan di peringkat istana mahupun dalam kalangan rakyat, dan juga sosio-ekonomi masyarakat yang lebih merujuk kepada sistem warisan atau pembahagian harta. Dalam pada itu juga, menerusi perkembangan adat ini maka lahirnya 'Hukum Adat' yang mana menjadi undang-undang atau peraturan dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional. Hukum adat ini terbahagi kepada tiga iaitu 'Adat Istiadat Raja', 'Adat Temenggung' dan 'Adat Papatih', walaupun bagaimanapun bagi kajian ini hanya adat istiadat yang diamalkan di alam **Kesultanan Melayu Kelantan** sahaja akan difokuskan. Kepentingan-kepentingan ini secara lazimnya mempunyai perkaitan yang sangat rapat bersama Teori Sastera Budaya kerana teori ini akan mengkritik dan memberikan penjelasan yang terperinci terhadap adat-adat yang terdapat di alam kesultanan khususnya.

Selain itu, tidak ketinggalan juga dengan adat yang berkaitan dengan hubungan suami isteri iaitu perkahwinan. Justeru, adat resam nikah kahwin ini merupakan antara adat yang paling dititik beratkan dan kebiasaannya perlukan modal dan belanja yang besar. Terdapat tiga fasa dalam pengamalan adat ini, I fasa pertama ialah mengandungi adat menilik atau menengok, adat meminang atau bertunang dan adat hantar belanja.

Hal ini bagi memastikan calon menantu dan pasangan hidup anaknya merupakan daripada keturunan anak baik-baik dan mempunyai akhlak budi pekerti yang tinggi. Maka ibu bapa akan menilik atau menengok apabila ibu bapa dirasakan telah sampai waktunya anak-anak mereka sesuai untuk mendirikan rumah tangga maka, mereka akan mencari calon yang sesuai dengan mengambil kira keturunan dan dengan siapa dia bersahabat. Kemudian barulah meminang dan bertunang apabila telah mendapat calon yang sesuai dan kata sepakat, maka ibu bapa pihak lelaki akan menghantar rombongan untuk meminang pihak perempuan.

Namun pihak perempuan kebiasaannya akan minta waktu untuk mendapat kata sepakat keluarga. Setelah itu pihak perempuan akan menghantar wakil untuk tanda setuju atau tidak. Seterusnya pada kebiasaan waktu inilah diletakkan kadar belanja, syarat-syarat, wang khawin dan tarikh perkahwinan. Apabila telah mendapat keputusan pihak lelaki akan menghantar tanda iaitu apabila pinangan telah

diterima. Kebiasaan sebetuk cincin daripada pihak lelaki kepada perempuan dijadikan tanda. Kepentingannya ialah sebagai satu tanda perjanjian yang mana kedua-dua pihak bersetuju untuk dijodohkan. Jika pihak perempuan menolak atau membatalkan sebarang tanda ikat janji harus dipulangkan.

4.3.2 Hukum dan Undang-Undang

Hukum atau undang-undang adat bergantung kepada cara pemikiran sekelompok masyarakat. Sejak awal lagi, manusia ia dicipta dengan cara yang tidak bebas, di mana mana ia selalu bergantung dengan alam sekelilingnya. Maka dengan itu seseorang itu tidak boleh dipisahkan dengan masyarakat malah merupakan satu kesatuan yang harmoni. Kesatuan tersebut dibaratkan seperti jasad manusia dengan bahagian tubuhnya, jika satu bahagian sakit, bahagian lain juga sakit. Pengertian dan konsep hukum adat pula dapat dijelaskan melalui sistem hukum adat terdapat perpaduan daripada prinsip kebebasan yang memperhatikan sepenuhnya kaedah-kaedah yang berunsurkan moral dengan prinsip taat kepada kebulatan kehendak daripada masyarakat.

Oleh itu, hukum adat dapat ditakrifkan sebagai keseluruhan daripada adat yang ternyata dalam rukun, iaitu keseluruhan daripada keputusan-keputusan dan aturan-aturan yang mengenai hubungan masyarakat. Dalam erti kata lain, hukum adat merupakan sebahagian adat, iaitu kaedah-kaedah yang patut dipatuhi kerana ianya akan membentuk tingkah laku yang baik bagi seseorang manusia. Kepatuhan terhadap adat istiadat ini akan mendisiplinkan seseorang manusia kerana mereka akan lebih teratur dalam kehidupan mereka dan sentiasa takut akan balasan

yang bakal di hadapi jika melanggar mana-mana peraturan atau patuhan yang telah ditetapkan oleh nenek moyang kita buat puluhan dan ratusan tahun.

Hukum dan undang-undang ini secara tidak langsung mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan adat kerana kedua-dua perkara ini adalah hampir sama kerana ianya memberikan gambaran untuk mematuhi sesuatu perkara berlandaskan dengan pematuhan yang telah diwarisi secara turun-temurun. Berkemungkinan terdapat pelbagai perubahan disebabkan oleh peredaran zaman tetapi dasarnya adalah sama dimana pematuhan terhadap sesebuah perkara itu wajib dan perlulah berdasarkan perkara yang telah ditetapkan oleh orang-orang lama. Kepentingan adat dapat dilihat dalam konteks ini di mana pematuhan terhadap sesebuah perkara yang telah ditetapkan puluhan tahun dahulu. Tanpa sebarang alasan, nenek moyang kita tidak akan melakukan sesuatu dan menyuruh untuk mematuhinya.

4.3.3 Keagamaan

Agama dan adat sangat berkait rapat kerana kedua-dua perkara ini saling berkait serta mempunyai persamaan dan perbezaannya yang tersendiri. Setiap adat yang terdapat di muka bumi ini dikaitkan dengan agama kerana terdapat unsur-unsur keagamaan yang begitu luas. Agama dan adat merupakan dua komponen yang sangat penting khususnya kepada masyarakat Melayu tidak kira yang hidup di bandar mahupun di kampung. Adat dan agama ini mempunyai perkaitan yang sangat rapat di mana sejak lahir sehinggalah ke liang lahar terdapat adatnya yang khusus dan tersendiri. Bermula kelahiran sehinggalah kematian, adanya adat yang tersendiri dan setiap satu adat itu mempunyai kepentingannya.

Manusia yang beragama sahaja mampu memahami perkara ini kerana setiap adat yang terdapat di muka bumi ini mempunyai perkaitan dengan unsur-unsur moral kerana setiap agama menyuruh umatnya untuk bersikap rasional dan sentiasa bertingkah laku dengan lebih bermoral. Setiap satu adat yang terhasil di muka bumi ini mempunyai unsur-unsur keagamaan yang tersendiri dan ini merupakan bukti bahawa adat mempunyai perkaitan secara langsung dengan konteks agama secara luas.

Seterusnya, perkaitan antara adat dan agama ini sangatlah luas dan tidak dapat diterangkan dalam jangka masa yang pendek.

Sebagai sebuah contoh, jika sesebuah adat ingin dijalankan kita memerlukan orang yang berilmu dalam perkara ini agar dapat menghasilkan sesebuah upacara adat istiadat yang sempurna serta dapat memastikan bahawa tiada sebarang lompong yang dipunyai dalam perkara ini. Adat wajar diamalkan kerana ianya mempunyai makna yang tersirat berselindung didalamnya. Seseorang manusia dapat berfikir dengan lebih rasional serta akan lebih berfikiran secara lebih meluas kerana adat ini akan memanusiakan manusia.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan merumuskan keseluruhan karya yang merangkumi Teori Sastera Budaya dan kajian memahami apa yang ingin disampaikan melalui syair adat istiadat yang diguna pakai di alam kesultanan dahulukala. Pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan mengenai kajian yang dijalankan dari Bab 1 sehingga ke Bab 4 agar dapat melihat motif kajian ini dijalankan. Tambahan pula, pengkaji akan memberikan beberapa cadangan untuk memperbaiki lompong-lompong yang terdapat serta sekaligus menyatakan harapan. Gambaran keseluruhan mengenai syair adat istiadat yang terkandung dalam karya yang dipilih akan diberikan serta rumusan yang terperinci juga akan dinyatakan di halaman-halaman seterusnya. Setiap gambaran yang diberikan dalam penulisan ilmiah ini adalah berlandaskan dengan Teori Sastera Budaya di mana menjadi penduan utama melaksanakan kajian penyelidikan ini. Penerapan teori ini sangatlah membantu untuk menghadkan skop bagi kajian mengenai sastera budaya ini.

Secara keseluruhannya, objektif kajian ini adalah untuk memahami apa yang terkandung dalam karya Syair Adat Istiadat Kesultanan Melayu Kelantan secara tersirat serta kepentingan pengamalan adat istiadat kepada manusia. Kajian ini terutamanya analisis bagi objektif dua telah dijalankan berlandaskan Teori Sastera Budaya yang mempunyai pelbagai cabang konsepnya. Kajian ini dijalankan secara kualitatif di mana kajian sepenuhnya dilakukan berdasarkan teks yang terpilih serta beberapa buah buku ilmiah dipilih dan digunakan sebagai panduan untuk menulis. Akhirnya, kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini sangatlah wajar dilakukan bagi menjadi panduan dan contoh kepada para pengkaji yang akan datang. Pengkaji ingin membawa kepentingan adat istiadat kerabat diraja ini ke mata dunia bagi masyarakat memahami serta mengetahui kepentingannya tanpa mengabaikan begitu sahaja kerana ia merupakan khazanah yang sangat berharga dan bernilai.

Pengkaji juga telah menyetengahkan harapan serta implikasi jika bidang sastera ini diceburi dengan lebih meluas kerana terdapat kepentingan-kepentingan sastera kepada umat manusia kerana sastera memanusiakan manusia dan berpotensi untuk mendidik serta mengkritik setiap tingkah laku umat manusia di dunia ini. Seterusnya, terdapat banyak cara untuk mempromosikan sastera ini dengan harapan yang baik untuk meluaskan bidang yang terpencil ini serta mengangkat lagi di mata dunia. Akhirnya, pengkaji berharap agar bidang sastera ini diberikan penekanan yang tinggi seperti mana bidang-bidang lain diberi.

5.2 PERBINCANGAN

Sudah terang lagi bersuluh bahawa kajian ini sememangnya mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan Teori Sastera Budaya serta terdapat pelbagai makna tersirat yang terkandung dalam setiap syair tersebut. Hal ini disokong berdasarkan ulasan perbincangan di petikan-petikan sebelum ini. Disebabkan oleh kurangnya ilmu pengetahuan berkenaan dengan adat istiadat pengkaji telah mengambil inisiatif untuk menyampaikan mesej yang ingin disampaikan oleh penulis kepada orang ramai. Dengan ini, masyarakat dapat mengenali adat-adat yang terdapat dan mengetahui serta memahami dengan lebih mudah dan jelas.

Selain itu, dapat kita ketahui bahawa terdapat pelbagai kepentingan yang dapat digarap melalui penelitian ini khususnya terhadap adat istiadat yang diguna pakai di alam Kesultanan Melayu Kelantan. Setiap adat yang terdapat dalam penulisan ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri dan ianya dapat dilihat daripada kronologi di mana dimulakan dengan persiapan tempat, persiapan alatan dan perkakas, jemputan saudara-mara sehinggalah peraturan adat istiadat dijalankan. Sebagai contoh, melalui kajian ini seseorang yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan mengenai adat istiadat juga dapat mempertingkatkan pengetahuannya dalam ilmu adat istiadat ini khususnya yang diguna pakai di alam kesultanan. Keunikan yang dimiliki oleh adat istiadat ini tidak dapat diterangkan dengan menggunakan perkataan yang biasa kerana setiap satunya memiliki perincian yang begitu jelas dan jitu.

Secara keseluruhannya, pengkaji telah memperincikan pengenalan serta konsep bagi kajian pengkaji yang bertajuk Adat Istiadat Kesultanan Melayu Kelantan Dalam Teks *Syair Kesultanan Melayu Kelantan: Satu Penelitian Dokumentasi* di dalam penulisan Bab 1. Bab ini mengandungi pengenalan kepada kajian ini serta menyatakan mengapakah tajuk ini diangkat sebagai sebuah kajian dan apakah kepentingannya juga sekali. Segala persoalan yang akan timbul serta objektif utama bagi kajian ini juga telah diketengahkan dalam bab ini secara lebih terperinci juga.

Seterusnya, pengkaji telah menyatakan beberapa buah kajian lepas yang mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan tajuk kajian pengkaji dan memberikan penerangan yang ringkas mengenai apa yang ingin diperkatakan oleh pengkaji atau sarjana dalam bab yang kedua. Bagi bab ketiga pula, pengkaji telah menerangkan mengenai apakah cara yang akan digunakan pakai bagi kajian ini serta apakah teori yang akan dipandukan sebagai sebuah panduan untuk meneruskan penyelidikan serta penulisan. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif di mana kaedah analisis teks sebagai cara untuk mendapatkan data untuk menulis serta menapis data-data yang diperlukan.

Bab 4 pula merupakan kandungan yang mengandungi analisis kajian yang telah ditetapkan iaitu dua buah objektif yang akan menjadi punca utama untuk menulis dapatan kajian dan khususnya berpandukan dengan teori yang digunakan iaitu Teori Sastera Budaya. Objektif satu pengkaji menerangkan mesej yang ingin disampaikan oleh penulis melalui syair adat istiadat oleh penulis dan objektif dua mengetengahkan kepentingan-kepentingan yang dapat digarap

melalui pengamalan adat istiadat ini. Akhirnya bab kelima pula merumuskan dan menyimpulkan secara ringkas berkaitan dengan keseluruhan kajian serta pengkaji memberikan beberapa buah cadangan untuk mengangkat lagi bidang sastera ini pada waktu kelak.

Kajian ini semestinya akan memberikan impak positif yang sangat tinggi kepada para pembaca serta penyelidik-penyelidik yang lain kerana melalui kajian ini para pembaca dapat mempertingkatkan lagi nilai moral serta dapat berfikiran dengan lebih rasional kerana dengan mempelajari adat istiadat, seseorang manusia dapat berfikiran dengan lebih rasional serta akan lebih bertanggungjawab khususnya untuk mewarisi serta berpegang teguh kepada agama yang dipeluk.

5.3 CADANGAN

Dalam bahagian ini, pengkaji akan memberikan beberapa buah cadangan sebagai rujukan yang dapat disenaraikan serta yang pastinya berlandaskan kepada tajuk kajian pengkaji. Saranan juga akan diselitkan bersama dengan cadangan-cadangan tersebut di mana dapat dijadikan sebagai salah sebuah petua untuk mengangkat lagi kajian-kajian seperti ini pada masa akan datang.

5.3.1 Pengkaji-pengkaji akan datang

Pengkaji mencadangkan bahawa perlu memperbanyakkan lagi kajian yang berkaitan dengan adat istiadat yang terutamanya fokuskan kepada adat istiadat yang diamalkan di alam kesultanan kerana sangatlah kurang dilakukan oleh para pengkaji di luar sana. Mereka lebih tertarik dengan kajian-kajian yang berunsurkan teknologi atau lebih modenisasi. Tambahan, para ibu bapa perlulah mendedahkan kepentingan mempelajari adat istiadat serta pengamalannya kepada generasi muda kerana ia akan ditelani zaman jika tiada siapa yang mengambil berat akan kepentingannya serta nilai-nilai intrinsik yang terkandung dalamnya. Kandungan yang terdapat dalam setiap adat istiadat ini sejujurnya dapat memanusiakkan manusia kerana ianya masing-masing terdiri

daripada pelbagai kepentingan serta nilai-nilai yang dapat digarap oleh masyarakat di luar sana. Warisan yang diturunkan oleh nenek moyang kita perlulah diberikan penekanan dan tumpuan yang meluas agar dapat menjaganya serta membawa pembaharuan dalam skop ini terutamanya dalam adat istiadat yang diamalkan di alam kesultanan.

5.3.2 Institusi-Institusi Pendidikan

Selain itu, institusi-institusi pendidikan di luar sana perlulah mengetengahkan subjek sastera dalam pakej penawaran subjek kepada para pelajar di sekolah dan memastikan subjek sastera ini memberi keutamaan seperti subjek-subjek teras yang lain agar dapat memartabatkan lagi fungsi sastera kepada pelajar dalam pelbagai bidang. Tambahan, perkara ini akan membantu mempelbagaikan minat pelajar aliran sains, akaun serta sains sosial untuk menceburi bidang seni sastera ini. Bukan itu sahaja, terdapat pelbagai kebaikan yang dapat disampaikan kepada pelajar melalui pembelajaran bidang sastera ini kerana sastera ini merupakan sebuah bidang yang begitu luas terutamanya ditempatkan di bawah pengajian warisan serta sains sosial. Jika subjek sastera ini dijadikan sebagai salah sebuah subjek teras yang wajib dipelajari oleh pelajar sekolah seperti subjek-subjek teras lain maka lebih

ramai lagi akan maju ke hadapan untuk melanjutkan pelajaran tingginya dalam bidang sastera serta minat pelajar-pelajar yang bukan daripada bidang pengajian warisan juga akan mula meminati kerana sastera ini sesungguhnya seronok untuk dipelajari dan tidaklah membosankan. Penekanan ini perlu diberi agar bidang sastera ini mendapat kehidupan yang baharu serta diketahui oleh orang ramai kerana bidang ini tidaklah mempunyai peluang untuk dinampak dengan meluas seperti bidang-bidang yang lain.

5.3.3 Pihak Agensi Kerajaan

Akhir sekali, pihak kerajaan perlulah memainkan peranan untuk menubuhkan pelbagai agensi khas di bawah penyeliaan Jabatan Arkib Negara untuk mencari serta mewartakan dokumen-dokumen dan manuskrip yang penting serta yang dapat meluaskan bidang sastera, budaya serta keagamaan ini. Bukan itu sahaja, perkara ini boleh menjadi rujukan kepada pelajar serta pengkaji-pengkaji akan datang serta dapat mempertingkatkan lagi mutu sesebuah kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan manuskrip yang mengandungi perkara-perkara yang berkaitan dengan adat istiadat ini kurang diwartakan dan menyebabkan orang ramai tidak mengetahui serta ilmu pengetahuan berkenaan dengan adat ini kurang dalam kalangan masyarakat kita.

Dokumen-dokumen seperti ini sememangnya sangat penting kerana ianya akan menjadi salah sebuah sumber bagi masyarakat di Malaysia khususnya buat masyarakat Melayu, pengkaji-pengkaji bahasa, pengkaji sastera serta pelajar-pelajar yang di luar sana. Manuskrip ini merupakan khazanah yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita untuk generasinya yang akan datang maka ianya perlu dijaga serta dipelihara supaya tidak hilang dan ditelani zaman yang kian berubah ini kerana berkemungkinan besar masyarakat kita tidak mengenali apa itu adat pada masa akan datang. Oleh hal yang demikian, langkah ini sewajarnya perlu diambil.

5.3.4 Peranan Media Massa dan Media Sosial

Peranan media massa dan media sosial sangat luas dalam skop ini kerana platform ini menjadi salah sebuah cara untuk mewar-warkan informasi serta berfungsi sebagai medium utama untuk menyebarkan sesuatu perkara sehingga ianya hangat diperkatakan. Oleh hal yang demikian, medium ini dapat digunakan untuk meluaskan lagi bidang sastera ini dengan mempamerkan iklan-iklan yang berilmiah mengenai sastera serta pempromosian mengenai sastera dapat diperluaskan dengan tempoh masa yang pendek. Tambahan lagi, ianya boleh dijadikan

sebagai salah sebuah alternatif untuk membuktikan bahawa sastera ini tidak membosankan serta terciptanya pelbagai transformasi dalam bidang ini di mana adanya sastera ini mempunyai hubungan yang rapat dengan bidang perfileman, bidang penulisan kreatif, bidang penerbitan, bidang kewartawanan serta lain-lain lagi. Kini, sastera tidak lagi membosankan dan pelajar-pelajar sastera tidak lagi hanya memegang buku sahaja sebagai bahan pembacaan atau maklumat.

5.4 KESIMPULAN

Secara tuntasnya, cadangan-cadangan ini perlulah dilihat dengan teliti agar dapat membawa perubahan dalam bidang sastera serta dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan sastera untuk kehidupan. Secara rasionalnya, ramai yang enggan untuk mencuburi bidang sastera yang kian diketepikan ini dengan alasan ianya membosankan serta tidak memberikan peluang pekerjaan yang meluas seperti bidang-bidang yang lain. Di sini, pengkaji ingin mengatakan sesuatu di mana, jika sesebuah bidang tidak diceburi secara mendalam maka tidak dapat untuk mengenalinya bak kata pepatah Melayu, ‘tak kenal maka tak cinta’.

RUJUKAN

- Abd Latif, S. F., & Musa, M. (2021). Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) dan Pemodenan Pendidikan di Kelantan, 1917-1957. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*.
- Abd Latif, S. F., & Musa, M. (2022). Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) and Modernisation of Malay Education, 1917-1957. *Journal of Al-Tamaddun*, 17(2), 241-255.
- Abdul Jalal Ajmain, Sim Chee Wing & Sim Hock Hye. 1960. Adat-adat Melayu. Singapore: Educational Book Centre.
- Abdullah, M. A. bin. (2004). Kawalan Mukim Melalui Solat Jumaat: Menurut Perspektif Syarak Dan Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. *Jurnal KIAS*, 1(1), 105–124.
- Abdullah, M. I. N. (2013). Budaya Dalam Puisi-Puisi Muhammad Haji Salleh: Kajian Teori Sastera Budaya. *PhD thesis, Universiti Sains Malaysia*.
- Ahmad, A. M., Kasim, K., Muhammad, N. N. S., Che Hussain, W. S. E., & Ismail, N. S. A. (2015). Adat melenggang perut: antara adat dan Islam.
- Ahmad, M. A. (2019). Adat berlenggang perut

- Ahmad, M. A. (2019). Adat istiadat dan budi bahasa.
- Ali, A. H., & Ismail, K. (2013). Asas Pembinaan Teori Sastera oleh Sarjana Sastera Di Malaysia. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 1(1), 1-20.
- Aslan, A., & Yunaldi, A. (2018). Budaya Berbalas Pantun Sebagai Media Penyampaian Pesan Perkawinan Dalam Acara Adat Istiadat Perkawinan Melayu Sambas. *Jurnal Transformatif (Islamic Studies)*, 2(2), 111-122.
- Candra, A. N. K. M. Analisis Nilai Kultural Dalam Kumpulan Syair.
- Daud, A. S. C., & Abdullah, B. (2019). Penyampaian Mesej Dakwah Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) Kepada Mualaf [The Delivery Of The Islamic Messages By Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) To The Newly Convert Muslims]. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 2(4), 9-19.
- Daud, M. H. M., & Mubarak, M. Z. (2020). Planning and Organization in Waqf Management: Practice in Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) and Perbadanan Waqaf Negeri Sembilan (PWNS): Perancangan dan Pengorganisasian dalam Pengurusan Wakaf: Amalan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS). *Journal of Techno-Social*, 12(1), 68-77.
- Din Che Dollah. 2014. Adat Turun Tanah di Pasir Mas Kelantan. Temu bual 15 Jun.

- Farlikhatun, L., Sitiyaroh, N., Anggraini, N., & Nurhasanah, R. (2021). Pengaruh Adat Istiadat Budaya dengan Kesehatan Ibu Hamil. *Jurnal Antara Kebidanan*, 4(4), 184-190.
- Hamzan, M. (2021). Prosedur Pewartaan Fatwa Ajaran Salah Berdasarkan Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 Dalam Menangani Isu Penyelewangan Akidah Di Negeri Kelantan:[Fatwa False Teaching's Gazette Procedure Based On Islamic Council And Kelantan Malay Custom 1994 In Dealing With The Issue Of Perversion Of Faith In Kelantan State]. *KQT eJurnal*, 1(2), 26-38.
- Haris, A. H. (2017). Warisan Negeri-Negeri Melayu.
- Hashim Awang. (1997). `Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Melayu`Dalam Mana Sikana (Pngr). Teori Sastera dan Budaya Dalam Kajian Akademik. Bangi: Terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Humairoh, S., & Mufti, W. Z. (2021). Akulturasi Budaya Islam dan Jawa dalam Tradisi Mengubur Tembuni. *Khazanah: Jurnal Studi Islam dan Humaniora*, 19(2), 264-278.
- Hussin, H. (2004). Orang Melayu Kelantan dari sudut budaya dan perspektif sejarah lampau. *Jebat*, 31, 15-38.

- Ismail, A. R. (2017). *Sejarah Kesultanan Melayu Kelantan*. B. Ilias, & A. L. A. Bakar (Eds.). Penerbit UMK, Universiti Malaysia Kelantan.
- Ismail Hamid. 1980. Beberapa Ciri Kepercayaan Rakyat Melayu. *Jurnal Budaya Melayu*, 3(1), 130-143.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Machita, O. (1993). Adat Melenggang Perut Di Kalangan Masyarakat Melayu/Machita Othman. *Jurnal Warisan Indera Kayangan*, (5), 1-2.
- Mail, A. A. (2011). Kesultanan Melayu Tradisional: Satu Analisis Ke Atas Peranan Sultan Dalam Kegiatan Ekonomi. *Jurnal Darussalam*, 11(6-32), 1-53.
- Majalah Kelantan. Bil. 7. Jun 1956. Diterbitkan oleh Jemaah Penerbit bagi Pihak Kerajaan Neger Kelantan, Kota Bharu, Kelantan.
- Mebri, J. A. (2017). Kedudukan Hak Atas Tanah Masyarakat Hukum Adat Untuk Kepentingan Umum. *DiH Jurnal Ilmu Hukum*, 13(25), 1-15.

- Muhammad Irfan Nyia Bin Abdullah. (2013, May). *Budaya Dalam Puisi-Puisi Muhammad Haji Salleh: Kajian Teori Sastera Budaya*.
- Osman, W. R. M., Wahab, H. A., Mustafa, R., & Kamil, S. M. (2015). Adat Istiadat dalam Masyarakat Melayu Sarawak. *Institute of Borneo Studies Universiti Malaysia Sarawak*.
- Othman, M. (1993). Adat Melenggang Perut di Kalangan Masyarakat Melayu.
- Razali, S., & Idris, Z. (2018). Gambaran Masyarakat Melayu Tradisional Dalam Syair Putera Mahkota. *Jurnal Melayu*, 2, 17.
- ResdiI, R. (2015). Dalami Kesultanan Melayu: Dedahkan asal usul institusi kesultanan kepada pelajar. *Utusan Malaysia*.
- Resmanti, M., & Wirajaya, A. Y. (2022). REPRESENTASI PEREMPUAN DALAM SYAIR ARDAN: KAJIAN FEMINISME. *TOTOBUANG*, 10(1).
- R.J. Wilkinson. 1985. Manuskrip Klasik Kamus Jawi - Melayu - Inggeris (A Classic Jawi - Malay - English Dictionary). Alai, Melaka: Penerbit Baharudinjoha.
- Sawalludin, M. H., & Ariffin, K. (2017). Cabaran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) Menangani Masalah Sosial di Kelantan Sehingga 1930-an: The Challenge Faced by Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu

Kelantan (MAIK) in Dealing With Social Problems in Kelantan Until 1930's. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 9(1), 30-48.

Sikana, M. (2013). Arah perjalanan teori dan kritikan sastera Malaysia dalam era globalisasi. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 1(1), 143-168.

Yaakob bin Haji Hasan. 1948. Halaman Adat Istiadat Melayu Kelantan. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Yaakob bin Haji Hassan. 1948. Halaman Adat Istiadat Melayu Kelantan (Teri) oleh Nik Mohamad bin Nik Mohamad Salleh. 1965. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Yaakob bin Haji Hassan, Hashim Musa, Rozita Che Rodi (Pentransliterasi dan anotasi), 2014. Halaman Adat Istiadat Raja D'Raja Kelantan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.


Yuliana, Y. (2019). *Perlakuan orang tua terhadap tembuni bayi perspektif hukum islam (studi pada masyarakat di kota Palangka Raya)* (Doctoral dissertation, IAIN Palangka Raya).

Yusuff, N. A., & Abdullah, N. K. N. (2007). Institusi dan Sistem Pendidikan Islam. Suatu Analisa Tahap Perkembangannya Di Kelantan. *Journal of al-Tamaddun*, 2(1), 139-160.


Zuhri, H. (2020). Pemaknaan Syair Li Khamsatun di Tengah Pandemi COVID-19 Perspektif Living Islam. *Living Islam: Journal of Islamic Discourses*, 3(1), 149-166.



UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN

LAMPIRAN



MALAYSIA

KELANTAN



MALAYSIA

KELANTAN

SYAIR

ADAT ISTIADAT KESULTANAN MELAYU KELANTAN

Buku ini mempersembahkan susunan adat istiadat yang diamalkan dalam Kesultanan Melayu Kelantan yang menjadi lambang warisan kesultanan Melayu di negeri Kelantan dan inti patinya berasaskan buku *Halaman Adat Istiadat Raja D'Raja Kelantan*. Mengandungi 16 bahagian, buku ini merangkumkan keseluruhan adat istiadat penting warisan raja-raja Melayu di negeri Kelantan.

Istimewanya buku yang mengandungi sejumlah 2069 rangkap ini diolah kritis oleh 23 orang penulis Kelantan yang berpadu pemikiran menggarap persembahan dalam bentuk pemikiran kreatif yang berseni, iaitu dalam bentuk syair. Persembahan dalam bentuk syair ini melambangkan ketinggian akal budi dan penciptaan tinggi yang berseni lagi indah, dan sekali gus memaparkan keunikan dan keistimewaan Kelantan sebagai salah sebuah negeri yang berdaulat dan kaya dengan seni budaya dan warisan di Malaysia.

Dilengkapkan juga dengan anotasi yang menerangkan maksud sesuatu perkataan atau istilah sama ada merujuk kepada kata nama, benda atau dialek Kelantan. Selain itu, disertakan juga petikan-petikan penuh seperti titah ucapan, doa, bacaan mantera dan surat-surat bagi melengkapkan maklumat buku ini.

Naskhah ini sesuai dibaca, dikaji dan dihayati oleh generasi hari ini dan akan datang bagi menelaah dan mengetahui secara lebih mendalam mengenai adat istiadat yang diamalkan oleh Kesultanan Melayu Kelantan sejak zaman-berzaman.



MALAYSIA

KELANTAN